At 31st December	<u>112,710,891</u>	<u>93,432,306</u>

The Special Programme Reserve was created to meet possible losses arising from the loans granted under the TUK, SEFF, AIM, Franchise Financing Scheme Fund (FFS), Youth Economic Development Programme (YEDP) and PROSPER scheme and is not distributable as cash dividends. It includes a guarantee fund of RM40,000,000 granted by the Ministry of Entrepreneur Cooperative Development (MECD) in 1997 in respect of SEFF (Note 16).

In 2000, the Corporation received an amount of RM21.4 million from the MECD to provide guarantees for the financing granted under the various guarantee schemes by financial institutions to approved vendor companies.

During the year, the Corporation received the amount of RM30,000,000 from Ministry of Finance (MOF) in respect of PROSPER scheme. This fund is to be used to meet possible loan loss under this scheme (Note 21).

	2005 RM	2004 RM
SPI Reserve:-		
At 1st January	39,335,905	539,470
Transfer from income statement	1,249,708	19,699
Transfer from retained profits	-	40,000,000
Provision for claims	<u>(7,861,082)</u>	<u>(1,223,264)</u>
At 31st December	<u>32,724,531</u>	<u>39,335,905</u>

15. Reserves (Contd)

The SPI (Skim Perbankan Islam) Reserve was created to meet claim contingencies under Islamic Guarantee for SPI facilities and is not distributable as cash dividends.

In 2004, the Corporation has transferred RM40 million from retained profits to SPI Reserve to meet claim contingencies on Islamic facilities for the next 5 years.

	2005 RM	2004 RM
Special Reserve:-		
At 1st January	17,903,485	379,575
Transfer from income statement	26,429,648	17,595,104
Claims recovery under LFHPT 1992	1,745,663	115,098
Refund of settlement	(500)	(219,572)
Recovery on AIM	-	33,280
Provision for claims	(8,123,883)	-
At 31st December	<u>37,954,413</u>	<u>17,903,485</u>

The Special Reserve was created to meet claim contingencies arising from loans guaranteed by the Corporation under all the other schemes and is not distributable as cash dividends. Effective from year 2002, the provision in respect of all other schemes is charged to income statement. The Special Reserve may be utilised to meet excess claim contingencies in respect of all other schemes should the need arises.

The amount transferred from the income statement to these reserves comprises interest arbitrage earned from the government funds, TUK Fund, SEFF, FFS, YEDP, SEGS and PROSPER scheme (Notes 9, 11, 16, 17, 18 and 20).

16. Small Entrepreneurs Financing Fund (SEFF)

	2005 RM	2004 RM
At 31st December	<u>50,000,000</u>	<u>50,000,000</u>

In 1996, the Corporation entered into an agreement with Permodalan Nasional Berhad (PNB) who shall contribute RM200 million to a fund known as Small Entrepreneur Financing Fund (SEFF) of which RM50 million has been received in 1996. Repayment shall be made by 5 equal annual instalments commencing on the 5th anniversary of the disbursement of each advance. In 2001, the Corporation had applied for the extension of the repayment for another 5 years.

In addition, the MECD contributed a guarantee fund of RM40 million which had been received in 1996 and included under the Special Programme Reserve to absorb possible losses on loans granted under the SEFF (Note 15).

The purpose of the Fund is to provide another avenue for small entrepreneurs to obtain financial assistance to improve and upgrade their businesses. The rate of interest charged on loans granted to small entrepreneurs under the SEFF shall not exceed 6% per annum and the amount of loan for each small entrepreneur shall not be more than RM50,000.

With effect from 1st January, 1999, MECD has consolidated the SEFF and TUK. The consolidation of these two schemes known as TUK. Guarantee fund of RM40 million included under the Special Program Reserve can be used to defray expenses related to the Small Loans Unit (SLU) which is set up to monitor the new TUK.

The earnings from the unutilised portion of the Fund has been transferred to the Special Program Reserve and will be used to absorb possible losses on loans granted under this scheme (Note 15).

17. Franchise Financing Scheme Fund (FFS)

On 27th October, 1997, a Memorandum of Understanding (MoU) was executed between the Corporation, MECD and three participating banks aimed at promoting growth in franchise business under a fund known as Franchise Financing Scheme (FFS).

The Corporation has received RM4 million from MECD in 1998 consisting of RM2 million guarantee fund and another RM2 million subsidy on interest to borrowers. In 1999, the Corporation received RM2 million from MECD for its guarantee fund.

In 2000, the Corporation has received RM14,393,000 from MECD consisting of RM7,196,500 guarantee fund and another RM7,196,500 subsidy on interest to borrowers. In 2002, the Corporation has received RM2.9 million from MECD consisting of RM1,450,000 guarantee fund and another RM1,450,000 subsidy on interest to borrowers. In 2003, the Corporation has received an additional RM15 million guarantee fund from MECD.

This program will enable entrepreneurs operating viable franchise business to have access to credit facilities of up to a maximum of RM7.5 million each. The bank may charge borrower interest up to a maximum of BLR + 1.5%. However, MECD through the Corporation will subsidise the interest payment and reduce the cost of borrowing to the borrower.

The earnings from the unutilised portion of the Fund was transferred to the Special Programme Reserve and will be used to absorb possible losses on loans granted under this scheme (Note 15).

18. Youth Economic Development Program (YEDP)

This program is a joint effort between the Ministry of Youth and Sports, Affin Bank Berhad and the Corporation, aimed at encouraging the youth in the country to venture into business and other productive economic activities.

An MoU had been signed by the three parties on 15th July, 1997 whereby the Ministry of Youth and Sports contributed RM7.6 million which has been included in the Special Program Reserve.

This program would enable youth to obtain small loans ranging from RM5,000 to RM50,000 with interest up to a maximum of BLR + 2%. However, the cost to the borrower is only 2% p.a. The difference between the charges imposed by the bank and the cost to be borne by the borrower shall be subsidized in the form of a Government subsidy.

The earnings from the unutilised portion of the Fund has been transferred to the Special Program Reserve and will be used to absorb possible losses on loans granted under this scheme (Note 15).

19. Tabung Industri Kecil Dan Sederhana 2 (TIKS 2)

With effect from 3rd April, 2000, the Government decided to cease the Tabung Industri Kecil dan Sederhana which was managed by BNM as a result of full utilisation of the the fund amounting to RM1,850,000,000 in two years since the date of creation on 2nd January, 1998.

In order to meet the demand for loans from small and medium industries (SMIs), the government has agreed to create another fund, namely Tabung Industri Kecil and Sederhana 2 (TIKS 2) with RM200,000,000 which the Corporation has been appointed to manage. An additional amount of RM200 million was allocated by the Government in 2001.

Repayment shall be made in 10 years from the date of drawdown or when all the funds under TIKS 2 have been fully repaid by the respective financial institutions, whichever comes first. The loan is subject to interest at 0.75% per annum. With effect from 17th October, 2002, BNM has taken over the administration of fund for TIKS 2 as well as TUB 2 from the Corporation. However, the Corporation will continue to manage loans for which applications were received prior to 17th October, 2002.

The scheme is to assist SMIs in the selected sectors, namely manufacturing and services, in penetrating the export market or providing linkages to export-oriented industries with financing of up to RM1,000,000 per customer for the purposes of working capital.

Notes To The Financial Statements - 31st December, 2005

20. Small Entrepreneurs Guarantee Scheme (SEGS)

	2005 RM	2004 RM
As at 1st January	50,000,000	50,000,000
Receipt during the year	29,000,000	-
As at 31st December	79,000,000	50,000,000

On 15th May, 2002, the Corporation entered into an agreement with the Ministry of Finance (MOF) who contributed RM50 million to generate guarantee fund known as Small Entrepreneurs Guarantee Scheme (SEGS) to meet possible loan losses. This fund was to be repaid in one lump sum at the end of 6 years and is subject to interest at 3% per annum from the date of drawdown on 14th November, 2002.

During the year, the Corporation entered into another agreement with MOF, for an additional RM29 million contribution. This fund is to be repaid in one lump sum at the end of 6 years and is interest free.

On 30th August 2005, MOF agreed to waive the interest which was previously charged at 3% per annum on the initial RM50 million contribution.

During the year, provision made under SEGS (Bumi) are charged against Special Reserve and provision charged against income statement in previous year were also reversed and charged to Special Reserve. Therefore, an amount of RM3,784,353 has been credited to income statement and debited to Special Reserve.

The scheme is to assist small entrepreneurs to obtain financing of between RM10,000 to RM50,000 for the purposes of working capital and/or asset acquisition.

21. Projek Usahawan Bumiputra Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER)

PROSPER scheme was introduced in August 2000 in an effort to encourage more Bumiputra entrepreneurs to be involved in retail business throughout Malaysia. Under this scheme, four main parties were involved:-

- i. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- ii. TPPT Sdn. Bhd.
- iii. Participating Financial Institution (currently only Malayan Banking Berhad is involved)
- iv. Corporation

Facilities under PROSPER scheme is provided under CGC's Flexi Guarantee Scheme (FGS) with 100% guarantee coverage.

On 3rd March, 2005, the Corporation received an amount of RM30 million as a grant from Ministry of Finance (MOF). The fund is to be used to meet possible loan loss under this scheme.

During the year, provision made under PROSPER scheme are charged against Special Programme Reserve and provision charged against income statement in previous year were also reversed and charged to Special Programme Reserve. Therefore, an amount of RM11,477,318 has been credited to income statement and debited to Special Programme Reserve.

22. Operating Revenue

	2005 RM	2004 RM
Guarantee fees	73,407,767	65,742,879
Interest - term deposits	67,665,868	74,837,881
- Malaysian Government Securities	881,289	3,023,828
- Cagamas Bonds	237,400	113,520
- Other bonds	2,404,669	4,426,702
	144,596,993	148,144,810

Notes To The Financial Statements - 31st December, 2005

23. Operating Profit For The Year

	2005	2004
	RM	RM
This is arrived at after charging/(crediting):-		
Director's remuneration	595,631	489,686
Directors' fees	68,882	69,760
Directors' meeting allowances	51,000	20,500
Employees Provident Fund contribution	1,830,998	1,593,024
Quit rent and assessment	629,904	613,744
Depreciation on property, plant and equipment (Note 5)	6,035,712	6,091,196
Auditors' remuneration	27,500	25,000
Provision for claims	139,787,469	115,671,783
Rental income	(617,619)	(535,253)
Loss/(Profit) from sales of bond	2,300,295	(9,261,198)
Gain on disposal of property, plant and equipment	(2,098)	(58,407)
	<u>28,501</u>	<u>27,550</u>
Director's benefit-in-kind	<u>28,501</u>	<u>27,550</u>

24. Interest Arbitrage Earned

	2005	2004
	RM	RM
Interest earned - term deposits	54,109,785	44,646,183
- investment securities	2,239,024	3,542,968
	<u>56,348,809</u>	<u>48,189,151</u>
Less: Interest payable on Government Funds	12,875,000	14,491,438
	<u>43,473,809</u>	<u>33,697,713</u>

25. Taxation

The Corporation has been granted exemption from income tax from the year of assessment 2002 for another 10 years under Section 127(3)(b) of the Income Tax Act, 1967.

Notes To The Financial Statements - 31st December, 2005

26. Contingencies

The Corporation is contingently liable by virtue of guarantees provided in respect of credit facilities extended by member banks and finance companies to borrowers under the various schemes.

	2005 RM	2004 RM
Total credit facilities guaranteed by the Corporation under the Schemes	<u>4,178,274,997</u>	<u>3,856,444,078</u>
Contingencies arising thereon	3,711,494,960	3,346,901,304
Less: Amount deemed to be bad and doubtful for which provisions have been made	402,896,387	426,646,844
Amount set aside in the Reserves to meet future claims	183,389,835	150,671,696
	<u>586,286,222</u>	<u>577,318,540</u>
Net contingencies	<u>3,125,208,738</u>	<u>2,769,582,764</u>

27. Capital Commitments

	2005 RM	2004 RM
Capital expenditure not provided for in the financial statements:-		
Authorised and contracted for	887,062	1,156,368
Authorised but not contracted for	<u>6,236,020</u>	<u>2,306,400</u>
	<u>7,123,082</u>	<u>3,462,768</u>

Notes To The Financial Statements - 31st December, 2005

28. Financial Instruments

The carrying amounts and estimated fair values of financial assets and liabilities of the Corporation at the balance sheet date are as follows:-

	2005		2004	
	Carrying Amount RM	Fair Value RM	Carrying Amount RM	Fair Value RM
<u>Financial Assets</u>				
Fee receivables	11,588,053	11,588,053	26,039,077	26,039,077
Other receivables	5,725,285	5,725,285	7,985,715	7,985,715
Loan and advances	326,389,104	326,389,104	590,499,320	590,499,320
Investment securities	119,749,252	119,749,252	157,985,078	157,985,078
Deposit, cash and bank balances	4,094,597,556	4,094,597,556	3,793,096,358	3,793,096,358
<u>Financial Liabilities</u>				
Claims payable	63,143,566	63,143,566	74,291,915	74,291,915
Other payables	44,145,189	44,145,189	48,603,712	48,603,712
Government funds	300,000,000	321,000,000	300,000,000	321,000,000
Amount due to Bank Negara Malaysia	950,000,000	1,016,500,000	950,000,000	1,016,500,000
Small Entrepreneurs Financing Fund	50,000,000	53,500,000	50,000,000	53,500,000
Tabung Usahawan Kecil	490,000,000	524,300,000	490,000,000	524,300,000
Penalty Fund	-	-	50,000,000	53,500,000
Small Entrepreneurs Guarantee Scheme	79,000,000	84,530,000	50,000,000	53,500,000

The following methods and assumptions are used to estimate the fair value of each class of financial assets and liabilities.

a. Investment securities

An estimate of fair value is based on market rates available at balance sheet date.

b. Fee and other receivable and claims and other payables

The carrying amounts of these receivables and payables are reasonable estimates of fair values because of their short maturity.

c. Deposits, cash and bank balances

The carrying amount of deposits, cash and bank balances approximates fair values because of their short maturity.

d. Loans and advances receivables

These are loans and advances drawdown under the specific funds and schemes administered by the Corporation. The carrying amount approximate the fair value since the carrying amount reflect those which are recoverable under the respective schemes.

e. Government and other funds and amount due to Bank Negara Malaysia

These loans and funds are provided to the Corporation at favourable rates to finance the loan schemes and to build up reserves to meet claims and losses arising from its operations. The fair value is estimated based on the assumption that the loan were obtained at prevailing market rates.

Statement By Directors And Statutory Declaration - 31st December, 2005

STATEMENT BY DIRECTORS

We, **DATUK ZAMANI ABDUL GHANI** and **MD. YUSOF HUSSIN**, being two of the directors of **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, state that in the opinion of the directors, the financial statements set out on pages 29 to 50 are drawn up in accordance with the applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Companies Act, 1965 so as to give a true and fair view of the state of affairs of the Corporation as at 31st December, 2005 and of its results and cash flows for the year ended on that date.

Signed in accordance with a resolution of the Board of Directors,



DATUK ZAMANI ABDUL GHANI



MD. YUSOF HUSSIN

Kuala Lumpur,


Date: **13th April, 2006**

STATUTORY DECLARATION

I, **DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD**, the director primarily responsible for the financial management of **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, do solemnly and sincerely declare that the financial statements set out on pages 29 to 50 are in my opinion correct and I make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true, and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960.

Subscribed and solemnly declared by the above named
DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD
at Kuala Lumpur in the Federal Territory
on **13th April, 2006**

Before me,



DATUK WAN AZHAR BIN WAN AHMAD

SUITE 1813 18th FLOOR
PLAZA PERMATA (IGB PLAZA)
JALAN KAMPAR, 50400 KUALA LUMPUR.

Report of The Auditors To The Members of Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

(Company No: 12441-M)

We have audited the financial statements set out on pages 29 to 50. These financial statements are the responsibility of the directors.

It is our responsibility to form an independent opinion, based on our audit, on these financial statements and to report our opinion to you, as a body, in accordance with Section 174 of the Companies Act, 1965 and for no other purpose. We do not assume responsibility towards any other person for the contents of this report.

We conducted our audit in accordance with approved standards on auditing in Malaysia. Those standards require that we plan and perform the audit to obtain reasonable assurance as to whether the financial statements are free of material misstatement. Our audit includes an examination, on a test basis, of evidence supporting the amounts and disclosures in the financial statements. Our audit also includes an assessment of the accounting principles used and significant estimates made by the directors, as well as an evaluation of the overall presentation of the financial statements. We believe that our audit provides a reasonable basis for our opinion.

In our opinion:-

- a. the financial statements are properly drawn up in accordance with the applicable approved accounting standards in Malaysia and the provisions of the Companies Act, 1965 so as to give a true and fair view of:-
 - i. the matters required by Section 169 of the Companies Act, 1965 to be dealt with in the financial statements; and
 - ii. the state of affairs of the Corporation as at 31st December, 2005 and of its results and cash flows for the year then ended;

and

- b. the accounting and other records and the registers required by the Act to be kept by the Corporation have been properly kept in accordance with the provisions of the Act.



SALLEH, LEONG, AZLAN & CO.

AF: 0010

Chartered Accountants



SIVADASAN A/L NARAYANAN NAIR

1420/12/07(J)

Partner of the Firm

Kuala Lumpur,

Date: 13th April, 2006




CGC
Transforms
Your
Skill
Into
Thrill





CGC
Transforms
Your
Patience
Into
Abundance



Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan terus memberi penumpuan kepada usaha-usaha memupuk budaya kesempurnaan, ketelusan, integriti, profesional dan bertanggungjawab di Credit Guarantee Corporation (CGC).

Sehingga kini, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan akan terus memelihara dan mengekalkan prinsip-prinsip dan amalan tadbir urus korporat yang terbaik dengan mengamalkan secara proaktif dasar, peraturan dan proses pengukuhan amalan tadbir urus berlandaskan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Lembaga Pengarah komited bagi memastikan kepentingan semua pihak akan terus dipertingkatkan dari segi nilai dan dilindungi pada setiap masa. Sehubungan dengan itu, inisiatif tadbir urus korporat CGC adalah berasaskan kepada dua teras prinsip yang utama:-

- i. Pihak pengurusan perlu bebas untuk memacu CGC ke hadapan tanpa sebarang halangan; dan
- ii. Pengurusan yang bebas ini diamalkan mengikut rangka kerja yang sempurna dan efektif.

CGC berpegang pada prinsip bahawa dasar yang berguna di dalam tadbir urus korporat haruslah memberikan kuasa kepada pihak Pengurusan CGC. Dalam masa yang sama, mekanisme seimbang bagi memastikan pemberian kuasa membuat keputusan kepada pihak pengurusan adalah diguna sebaik mungkin dengan kebertanggungjawaban yang tinggi.

CGC yakin bahawa keseimbangan di antara kebebasan pengurusan dan kebertanggungjawaban kepada para pemegang saham boleh dicapai dengan cara mengasingkan penyeliaan dan pengurusan yang strategik. Lembaga Pengarah merupakan pemegang amanah kepada pemegang-pemegang saham harus mengamalkan penyeliaan yang baik menerusi bimbingan dan pengawalan strategik, serta memastikan kebertanggungjawaban dalam pelaksanaan yang strategik yang berkesan daripada pihak pengurusan.

Dengan sukacitanya Lembaga Pengarah mengemukakan laporan berkaitan prinsip dan amalan yang diamalkan di CGC yang disenaraikan di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat .

Pengarah-pengarah

Tanggungjawab khusus bagi pengarah-pengarah seperti yang digariskan di dalam Terma Rujukan merangkumi perkara-perkara berikut:-

- Membuat penilaian semula dan meluluskan perancangan perniagaan yang strategik bagi CGC.
- Mengawalselia pengendalian perniagaan untuk memastikan pengurusan yang teratur, termasuklah menetapkan objektif dan polisi yang jelas bagi eksekutif-eksekutif kanan beroperasi.
- Membuat penilaian semula terhadap kelulusan kredit yang penting oleh pihak pengurusan yang didapati memberi kesan yang mendalam ke atas risiko CGC.
- Membuat penilaian semula terhadap tahap kelengkapan dan integriti kawalan dalaman dan juga sistem pengurusan maklumat, termasuk sistem-sistem yang perlu dipatuhi mengikut undang-undang, peraturan, arahan dan garis panduan yang digunapakai.
- Berfungsi sebagai pihak berkuasa terpenting untuk meluluskan perbelanjaan kewangan yang melebihi tahap yang boleh diluluskan oleh pihak pengurusan.

Komposisi dan Keseimbangan

Lembaga Pengarah CGC terdiri daripada pengarah-pengarah bukan eksekutif (termasuk Pengerusi) dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif. Peranan Pengerusi dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif adalah berbeza dan kedua-duanya mempunyai tanggungjawab yang dikenalpasti dengan jelas. Kesemua pengarah bukan eksekutif tidak bersangkut paut dengan pihak pengurusan dan tidak menjalankan sebarang perniagaan atau perhubungan yang boleh mempengaruhi mereka dalam membuat keputusan. Pengarah-pengarah merupakan satu pasukan yang lengkap, berwibawa, profesional dalam bidang tersendiri dan masing-masing memiliki kemahiran dan pengetahuan tertentu. Mereka juga mempunyai pelbagai pengalaman yang berguna yang berkaitan dengan CGC.

Mesyuarat dan Informasi

Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat sebanyak tujuh kali pada tahun 2005. Di dalam mesyuarat ini, Lembaga Pengarah telah membincangkan isu-isu utama yang merangkumi penyemakan prestasi kewangan CGC dan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah untuk pelaksanaan. Bagi memastikan penerangan yang tepat, pihak pengurusan kanan dijemput untuk turut hadir dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah supaya dapat memberikan penerangan dan penjelasan yang terperinci berhubung perkara-perkara yang dibentangkan.

Semua Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional daripada badan-badan bebas dan juga khidmat nasihat dan perkhidmatan daripada Setiausaha Syarikat. Ahli-ahli Lembaga Pengarah akan diberikan dokumen-dokumen yang berkaitan dan kertas pembentangan sebelum Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan.

Pelantikan

Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah dipilih daripada latar belakang yang berbeza dengan pelbagai kepakaran bagi mendapatkan pandangan daripada perspektif yang lebih luas memandangkan keadaan operasi yang berubah-ubah.

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah adalah berdasarkan kepada cadangan berasaskan kepada kriteria-kriteria pemilihan tertentu, antaranya tahap pendidikan minima yang diiktiraf oleh badan-badan berkuasa dan juga kepakaran yang diperlukan dalam dunia perniagaan serta hala tuju jangka panjang bagi CGC.

Pengarah-pengarah adalah dilantik oleh Lembaga dan tertakluk kepada pelantikan semula oleh pemegang-pemegang saham di dalam Mesyuarat Agung Tahunan CGC yang akan datang.

Tahun 2005 juga mencatatkan pelaksanaan peralihan di CGC. Peralihan ini telah mendorong kepada perubahan di dalam struktur tugas yang memperlihatkan pelantikan Lembaga Pengarah yang baru. Sehubungan dengan itu, CGC dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan tujuh (7) Ahli Lembaga Pengarah yang baru, iaitu Encik Md. Yusof Hussin, Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed, Dato' Tan Yew Thong, Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz, Datuk P. Kasi, Puan Zaiton Mohd Hassan dan Dato' Abdul Hamidy Abdul Hafiz.

Secara ringkasnya, perubahan pada ahli Lembaga Pengarah adalah seperti di bawah:-

Pengarah-pengarah	Catatan
1. Dato' Mohd Salleh Hj. Harun (Pengerusi)	Meletak jawatan pada 4 Mac 2005
2. Datuk Zamani Abdul Ghani (Pengerusi)	Dilantik pada 4 Mac 2005
3. Datuk Amirsham A. Aziz	Meletak jawatan pada 30 September 2005
4. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad	
5. Encik Mohamed Azmi Mahmood	Meletak jawatan pada 27 September 2005
6. Encik Chung Chee Leong	Meletak jawatan pada 27 September 2005
7. Encik Zarir J. Cama	Meletak jawatan pada 27 September 2005
8. Encik Md. Yusof Hussin	Dilantik pada 29 September 2005
9. Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed	Dilantik pada 29 September 2005
10. Dato' Tan Yew Thong	Dilantik pada 29 September 2005
11. Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz	Dilantik pada 29 September 2005
12. Datuk P. Kasi	Dilantik pada 29 September 2005
13. Puan Zaiton Mohd Hassan	Dilantik pada 29 September 2005
14. Dato' Abdul Hamidy Abdul Hafiz	Dilantik pada 3 April 2006

Jawatankuasa Lembaga Pengarah/Pengurusan

Lembaga Pengarah telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah dan juga pelbagai Jawatankuasa Pengurusan untuk membantunya melaksanakan tugas. Setiap jawatankuasa beroperasi mengikut terma rujukan masing-masing yang telah diluluskan dan jelas tujuannya. Terma rujukan bagi Jawatankuasa Lembaga Pengarah merangkumi objektif, peranan dan tanggungjawab, keahlian & korum, pengerusi, tempoh memegang jawatan dan jadual mesyuarat.

Bagi mengamalkan prinsip-prinsip dan amalan terbaik di dalam tadbir urus korporat, CGC kini sedang dalam proses mewujudkan dua jawatankuasa baru pada peringkat Lembaga Pengarah, iaitu Pengurusan Risiko dan Teknologi Maklumat. Jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan sehingga kini adalah seperti berikut:-



Bil. Jawatankuasa

1. Jawatankuasa Audit
2. Jawatankuasa Pengurusan
3. Jawatankuasa Kredit dan Perniagaan
4. Jawatankuasa Pentadbiran dan Operasi
5. Jawatankuasa Pinjaman
6. Jawatankuasa Pengurusan Tuntutan
7. Jawatankuasa Informasi dan Teknologi
8. Jawatankuasa Semakan Produk
9. Jawatankuasa Kecil Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan
10. Jawatankuasa Pemacu Informasi dan Teknologi
11. Jawatankuasa Kecil Perolehan dari Pinjaman
12. Jawatankuasa Tenaga Kerja
13. Jawatankuasa Kecil Pembangunan Cawangan
14. Jawatankuasa Pemacu Pelan Perniagaan
15. Jawatankuasa Kepatuhan Audit
16. Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Pemegang-pemegang Saham

Dialog Antara CGC dan Pemegang-pemegang Saham

CGC sedar akan keperluan untuk menyampaikan maklumat secara telus kepada pemegang-pemegang sahamnya dengan menggunakan saluran komunikasi yang berkesan. Untuk tujuan itu, CGC menerbitkan laporan tahunan yang komprehensif di dalam dwi-bahasa, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

CGC juga telah menubuhkan laman webnya (www.iGuarantee.com.my) yang boleh dilayari oleh pemegang-pemegang saham dan pihak-pihak lain bagi mendapatkan maklumat. CGC juga mengambil daya usaha membuat pengumuman dan kenyataan akhbar berkaitan dengan pencapaian dan perkembangannya.

Mesyuarat Agung Tahunan

Laporan Tahunan dan penyata kewangan bagi tahun yang berakhir Disember 2005 akan dibentangkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan kali Ke-33 pada 26 Mei 2006. Pengerusi CGC membentangkan laporan kewangan bagi tahun berkenaan pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan CGC.

Penyata Tanggungjawab Pengarah-pengarah

Menurut Akta Syarikat 1965, pengarah-pengarah dikehendaki menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan dan memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan CGC pada akhir tahun kewangan serta keputusan dan aliran wang tunai CGC pada tahun kewangan tersebut. Di dalam penyediaan penyata kewangan, para pengarah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:-

- Memilih polisi perakaunan yang bersesuaian dan dilaksanakan secara konsisten;
- Membuat keputusan dan penilaian yang munasabah dan bijaksana;
- Memastikan kesemua piawaian perakaunan dipatuhi; dan
- Menyediakan penyata kewangan berlandaskan perkembangan semasa yang menurut jangkaan pengarah-pengarah berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, CGC mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk meneruskan operasi pada masa akan datang.

Pengarah-pengarah bertanggungjawab dalam memastikan CGC menyimpan rekod perakaunan yang mengandungi maklumat tepat berhubung kedudukan kewangan CGC dan memastikan penyata kewangan tersebut mematuhi aturan di dalam Akta Syarikat 1965.

Pengarah-pengarah adalah bertanggungjawab untuk mengambil langkah-langkah wajar untuk mengelak dan menangani sebarang salahlaku dan penyelewengan terhadap aset CGC.

Tanggungjawab Pengarah-pengarah Terhadap Kawalan Dalaman



Ahli Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawab mereka sepenuhnya ke atas sistem yang melibatkan kawalan dalaman dan penyemakan semula ke atas keberkesannya kepada CGC. Keutamaan mereka adalah untuk mewujudkan pelaksanaan strategi dan hala tuju CGC berlandaskan polisi risiko dan kawalan. Pihak pengurusan seterusnya melaksana dan memantau pelbagai polisi risiko dan kawalan sejajar dengan matlamat utama ke arah pelaksanaan polisi Lembaga Pengarah dengan berkesan.

Adalah diakui bahawa sistem kawalan dalaman yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mengurus dan bukannya untuk menangani risiko. Kawalan dalaman ini mampu memberikan jaminan yang berpatutan dan bukan sepenuhnya dalam kawalan aset bagi membolehkan CGC mencapai objektif korporatnya di dalam risiko yang terurus.

Audit Dalaman

Audit dalaman adalah bebas, bermatlamat untuk memastikan dan memberikan khidmat nasihat dan dikendalikan secara bebas di dalam CGC. Ianya berlandaskan prinsip penambahbaikan nilai-nilai positif ke arah peningkatan dan perkembangan operasi dan prestasi CGC.

Jabatan Audit Dalaman bertanggungjawab membantu CGC untuk memenuhi matlamatnya dengan membawa pendekatan yang lebih sistematik dan berdisiplin dalam menilai dan meningkatkan pengurusan risiko, kawalan dan proses ketelusan yang lebih efektif. Audit Dalaman juga membantu pihak pengurusan menghindari dan mengesan salah laku penipuan.

Jawatankuasa Kepatuhan Audit

Objektif-objektif jawatankuasa ini adalah seperti berikut:

- i. Memantau pelaksanaan tindakan pembetulan berdasarkan penemuan audit di jabatan-jabatan tertentu sehingga selesai sepenuhnya;
- ii. Memberikan maklumat terkini kepada Jawatankuasa Audit terhadap keputusan ke atas isu-isu yang dibangkitkan di dalam Laporan Audit; dan
- iii. Menyemak semula dan melaksanakan cadangan-cadangan penambahbaikan oleh Jawatankuasa Audit dari semasa ke semasa.

Laporan Kewangan

Lembaga Pengarah berhasrat untuk membentangkan kedudukan kewangan dan prospek niaga CGC yang seimbang, jelas dan berguna dalam semua laporan kepada pemegang-pemegang saham dan pihak berkuasa. Penilaian-penilaian ini dimuatkan di dalam Laporan Tahunan.

Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Ianya mengawasi pembangunan polisi-polisi pengurusan risiko operasi yang merangkumi semua kegiatan perniagaan dan memastikan pembentukan buku panduan polisi-polisi, pemerosesan, prosedur-prosedur dan amalan. Pengurusan Risiko memastikan polisi risiko utama CGC adalah konsisten, menetapkan tahap risiko yang berpatutan dan memenuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan yang berkenaan.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah adalah bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan risiko ditubuhkan bagi semua kategori risiko dan ianya mestilah telus bagi memastikan mekanisme kawalan dalaman berfungsi dengan efektif.

Sebuah Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko akan diwujudkan pada masa hadapan.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan Credit Guarantee Corporation (CGC) Yang ke-33 bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2005.



Sepintas Lalu

Ekonomi Malaysia telah berkembang dengan kukuh, iaitu pada kadar 5.3% dalam tahun 2005. Persekitaran pekerjaan yang stabil, perolehan pendapatan yang tinggi, syarat-syarat kewangan yang baik serta kadar faedah yang rendah telah menyumbang kepada perkembangan yang memberangsangkan ke atas ekonomi negara secara menyeluruh. Selaras dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang kukuh, industri perbankan dan kewangan terus kekal teguh, berdaya tahan dan maju ke hadapan.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus menjadi salah satu penggerak utama pembangunan ekonomi. Kerajaan terus mempertingkatkan daya usaha dan inisiatif dalam usaha mengukuhkan sokongan dalam pembangunan sektor PKS. Dalam keadaan sedemikian, semua strategi dan rancangan sepanjang tahun telah dilaksanakan dengan jayanya dalam persekitaran perniagaan yang mencabar. Sejajar dengan itu, CGC mendapat permintaan berterusan bagi skim-skim jaminannya. Dengan kedudukan CGC sebagai penjamin kredit yang utama di Malaysia, CGC mempunyai mandat untuk membantu membangunkan sektor PKS agar pertumbuhannya kukuh dan mampan.

CGC terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan pada tahun 2005. CGC telah menjamin 8,567 pinjaman bernilai RM3.3 bilion bagi semua skim jaminannya berbanding 8,452 pinjaman bernilai RM3.0 bilion pada tahun sebelumnya. Berdasarkan pertumbuhan yang baik ini, pendapatan CGC daripada yuran jaminan telah meningkat sebanyak 11.7% kepada RM73.4 juta, peningkatan daripada RM65.7 juta yang

dicatatkan pada tahun sebelumnya. Disebabkan oleh pendapatan pelaburan yang rendah, hasil kendalian CGC menurun sedikit, iaitu sebanyak 2.4% kepada RM144.6 juta berbanding RM148.1 juta yang diperolehi pada tahun 2004. Sementara itu, perbelanjaan operasi memperlihatkan peningkatan kepada RM170.2 juta berbanding dengan RM142.8 juta pada tahun 2004 disebabkan oleh peruntukan pinjaman gagal yang lebih tinggi.

Rizab keseluruhan CGC telah meningkat sebanyak 1.0% pada tahun 2005. Pada 31 Disember 2005, dana pemegang saham CGC telah meningkat kepada RM2.62 bilion daripada RM2.60 bilion pada tahun 2004.

Imbasan Tahun 2005

Pada Oktober 2005, CGC telah mengumumkan bahawa ia akan mengadakan perubahan dalam usaha untuk mengembangkan lagi peranannya di dalam memberi sokongan kepada perkembangan dan pembangunan PKS yang berdaya saing. Pembaharuan CGC adalah daripada penjamin kredit biasa kepada sebuah institusi kewangan yang efektif dan mempunyai kedudukan kewangan yang mampan yang menawarkan pelbagai jenis skim jaminan dan perkhidmatan yang lebih memenuhi keperluan dan perkembangan terkini para PKS. Inisiatif ke arah perubahan yang dilaksanakan dengan gigih oleh CGC, adalah dengan bimbingan Bank Negara Malaysia, iaitu pemegang saham terbesar CGC. Inisiatif ini akan melengkapkan keseluruhan skim-skim dan segala inisiatif dalam memberikan sokongan padu kepada PKS. Perkembangan CGC akan mengambil kira pendekatan *'holistic'* bagi menangani isu-isu berhubung akses kepada pembiayaan untuk PKS, melalui penambahbaikan di dalam pelbagai skim jaminan dan perkhidmatan, merangkumi skim pinjaman yang dipertingkatkan, perkhidmatan khidmat nasihat berkaitan kewangan dan pembangunan perniagaan serta perkhidmatan informasi kredit. CGC akan menjadi pelengkap kepada institusi-institusi kewangan dalam menyediakan pelbagai skim dan perkhidmatan yang diperlukan oleh PKS.

Salah satu aspek penting di dalam rancangan perubahan ini ialah CGC akan berusaha gigih untuk mencapai kedudukan kewangan yang mampan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap keberkesanan dan kecekapan dalam penawaran skim-skim jaminan dan perkhidmatan kepada PKS akan berterusan. Dalam usaha untuk melaksanakan peranan seperti yang dimandatkan di bawah inisiatif perubahan ini dengan berkesan, pelbagai usaha dijalankan untuk memperkukuhkan CGC daripada segi keupayaan dan kemahirannya. Sehubungan itu, perkara utama yang menjadi tumpuan adalah sumber manusia, infrastruktur teknologi maklumat dan pemrosesan dalaman yang kritikal. Hubungan dengan beberapa institusi PKS luar negara yang boleh menjadi *'benchmark'* telah dibuat bertujuan untuk menjalinkan kerjasama strategik dalam bidang-bidang yang memerlukan kepakaran dan sokongan teknikal.

Sebagai sebahagian daripada proses perubahan, komposisi Lembaga Pengarah CGC juga telah diperluaskan dengan kemasukan ahli-ahli baru daripada pelbagai bidang dan kepakaran yang berkaitan yang amat diperlukan oleh CGC bagi mencapai objektif dan prinsip perubahan tersebut. Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang baru dilantik adalah Encik Md. Yusof Hussin, Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed, Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz, Datuk P. Kasi, Dato' Tan Yew Thong, Puan Zaiton Mohd Hassan dan Dato' Abdul Hamidy Abdul Hafiz. Saya berkeyakinan bahawa Ahli-ahli Lembaga Pengarah berkenaan akan menyumbangkan khidmat nasihat yang berguna bagi membimbing CGC dalam menghadapi tahap pembangunan yang memberangsangkan walaupun ianya amat mencabar.

Sebagai sebuah institusi jaminan kredit terulung kepada PKS, CGC terus mengembangkan skim-skim jaminan, mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan menerokai pasaran yang jauh di luar sistem tradisi dan konvensional. Dua skim terbaru telah ditawarkan kepada PKS. *"The Fast Track Pro-Finance"* yang telah dilancarkan pada Julai 2005 adalah skim usahasama dengan Bumiputera-Commerce Bank (BCB) bagi memenuhi keperluan firma-firma profesional. Ini diikuti pula dengan pelancaran Skim Jaminan Laluan Terus - Islam (SJLT-*i*) buat pertama kalinya pada Disember 2005, yang menjadi petanda terhadap penglibatan CGC di dalam infrastruktur perbankan Islam di negara ini.

Dengan kehadiran sistem jaminan di dalam komuniti perbankan Islam, CGC kini bersedia untuk memenuhi keperluan para pelanggan yang mencari alternatif selain daripada kaedah perbankan konvensional, dengan menawarkan skim-skim jaminan berteraskan Syariah. Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa empat buah institusi kewangan iaitu AmBank, EON Bank, Maybank dan SME Bank telah berganding bahu dengan CGC untuk membina komuniti Islam yang bersepadu dengan melaksanakan skim jaminan di dalam perbankan Islam. CGC ingin mengucapkan terima kasih kepada bank-bank tersebut di atas penyertaan mereka dan berharap ianya akan menarik minat lebih banyak lagi institusi perbankan tempatan khususnya bank-bank Islam untuk turut serta dalam masa terdekat. Saya juga berharap agar bank-bank asing akan memberi lebih sokongan kepada program PKS dan melibatkan diri mereka dengan lebih aktif di dalam skim-skim jaminan CGC secara konvensional mahupun bercirikan Islam.

CGC akan terus komited dengan memberi sokongan kepada visi kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam di rantau ini. Sementara itu, CGC juga berbesar hati untuk memaklumkan bahawa Bank Negara Malaysia telah memperakui bahawa mekanisme jaminan kredit di bawah kewangan Islam menawarkan peluang yang besar. Langkah CGC untuk memperkenalkan skim jaminan Islam adalah sejajar dengan saranan Bank Pusat untuk melihat CGC menempatkannya daripada hanya penjamin kredit kepada institusi yang komprehensif yang menawarkan pelbagai pilihan bagi kedua-dua skim, iaitu konvensional dan berteraskan syariah kepada PKS.

Di samping itu, Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) telah memainkan peranan yang berkesan dalam meningkatkan keupayaan PKS. Kemudahan pembiayaan ini buat pertama kalinya telah melepasi tahap bilion ringgit pada tahun 2005 dengan mencatatkan 2,349 pinjaman bernilai RM1.4 bilion berbanding 2,076 pinjaman bernilai RM962.9 juta pada tahun 2004. Perkembangan SJLT yang memberangsangkan ini adalah disebabkan oleh strategi pemasaran yang agresif, perhubungan dengan cawangan-cawangan yang baik dan pemantauan pinjaman. Skim Jaminan Utama Baru (SJUB) mencatatkan sedikit penurunan dengan 3,323 kelulusan pinjaman bernilai RM1.0 bilion pada tahun 2005 berbanding 3,340 pinjaman bernilai RM1.1 bilion pada tahun 2004.

Sekali lagi, dua skim utama, iaitu SJLT dan SJUB adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan jumlah pinjaman yang dijamin. Skim-skim ini masing-masing memberi sumbangan sebanyak 41.9% (RM1.4 bilion) dan 31.2% (RM1.0 bilion) daripada keseluruhan nilai pinjaman yang dijamin pada tahun 2005. Sektor Perniagaan Am merupakan penyumbang utama kepada nilai pinjaman, iaitu sebanyak 74.5% (RM2.5 bilion).

Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI) yang telah disemak semula membolehkan pinjaman maksima sehingga RM10.0 juta dengan kadar keuntungan yang berpatutan untuk memenuhi keperluan perniagaan yang berdaya maju memperolehi pinjaman. Di bawah skim ini, CGC telah meluluskan 88 pinjaman bernilai RM52.0 juta berbanding dengan 105 pinjaman bernilai RM104.1 juta pada tahun 2004.

Masa Hadapan

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka semakin kukuh dengan jangkaan pertumbuhan KDNK pada kadar 6.0% pada tahun 2006. Ekonomi dijangka mencatatkan peningkatan prestasi sejajar dengan tumpuan pada dasar tahun 2006 adalah untuk memperkukuhkan lagi pencapaian pada tahun 2005. Tambahan pula, pendekatan yang diumumkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sememangnya tidak dapat dinafikan akan membentuk perkhidmatan sektor kewangan yang kukuh, berdaya tahan dan kompetitif yang akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.



Selaras dengan usaha kerajaan yang berterusan memberikan sokongan kepada bidang keusahawanan, CGC berhasrat bukan sekadar menyediakan jaminan pinjaman tetapi juga menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat yang bersesuaian kepada PKS. CGC akan memainkan peranan sampingan dalam membentuk dan membangunkan PKS ke arah perusahaan yang kompetitif dan berdaya tahan dengan menjadi rakan niaga dan bukannya sekadar sebagai penjamin kredit.

Bagi CGC, proses perubahan yang sedang dilaksanakan dijangka akan dapat memperkukuhkan kapasiti dan keupayaan CGC di samping mengembangkan skim-skim jaminan dan perkhidmatan. Ia juga akan menempatkan CGC pada kedudukan yang lebih baik bagi memenuhi keperluan PKS.

Komunikasi pemasaran akan dipertingkatkan sebagai salah satu usaha bagi perubahan ke arah pembinaan jenama dan meningkatkan lagi imej CGC sebagai institusi kewangan.

Penghargaan

Sepertimana masa yang lalu, CGC mendapat sokongan padu dan penyertaan daripada institusi-institusi kewangan dalam melaksanakan pelbagai skim jaminan. Justeru itu, CGC ingin merakamkan penghargaan dan berterima kasih kepada semua institusi kewangan di atas sokongan yang berterusan. Empat buah institusi kewangan, iaitu Bumiputra-Commerce Bank, EON Bank, Maybank dan Public Bank yang telah terpilih untuk menerima ANUGERAH PENDUKUNG UTAMA IKS 2005 bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan CGC Kali Ke-33. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada penerima-penerima anugerah dan mengharapakan sokongan yang berterusan daripada mereka.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi, Bank Negara Malaysia, kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain, serta dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan peniaga di atas sokongan dan keyakinan yang diberikan kepada CGC.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli Lembaga Pengarah atas sumbangan yang tidak ternilai dan sokongan yang diberikan sepanjang tahun. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ahli Lembaga Pengarah yang telah bersara, iaitu Datuk Amirsham A. Aziz, Encik Mohamed Azmi Mahmood, Encik Zarir J. Cama dan Encik Chung Chee Leong atas bimbingan dan khidmat yang diberikan kepada CGC. Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada tujuh Ahli Lembaga Pengarah yang baru di mana pengalaman dan kepakaran mereka pastinya akan membantu dalam proses perubahan CGC kepada institusi kewangan. Mereka merupakan individu-individu yang berkaliber tinggi dan profesional di dalam bidang masing-masing dan juga mempunyai kelayakan serta kebolehan yang baik di dalam bidang perbankan dan pelbagai sektor yang berkaitan dengan perniagaan CGC.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja CGC atas usaha dan sumbangan yang berterusan yang diberikan pada tahun 2005. Tidak dinafikan bahawa kejayaan CGC adalah bergantung sepenuhnya kepada dedikasi, komitmen dan kesungguhan kerja ke arah pencapaian misi dan matlamat yang dikongsi bersama.

Datuk Zamani Abdul Ghani
Pengerusi
Lembaga Pengarah

“Pengkhususan dan tumpuan khas memaksa kita supaya bersedia sepanjang masa. Perubahan yang sedang berlaku merupakan masa yang paling baik untuk merenung kembali serta memperbaiki perkhidmatan CGC, seterusnya meningkatkan tahap kecemerlangan untuk mencapai peningkatan demi mengukuhkan daya saing PKS”.

*Datuk Wan Azhar Wan Ahmad
Ketua Pegawai Eksekutif*

Sepintas Lalu

Ekonomi Malaysia kekal menunjukkan prestasi yang baik dan menggalakkan pada tahun 2005, walaupun menghadapi pelbagai halangan, terutamanya pertumbuhan global yang sederhana, pemulihan tekanan inflasi serta peningkatan hala tuju dalam pengukuhan dasar kewangan. Polisi makroekonomi pada tahun 2005 menumpukan kepada pengekalan momentum pertumbuhan ekonomi di samping mempertingkatkan keupayaan untuk menjana pembangunan negara. Polisi fiskal negara telah berjaya mengurangkan perbelanjaan defisit dan menyediakan lebih banyak sumber bagi pembangunan yang akan mendorong dan menyumbang terhadap pengukuhan aktiviti ekonomi negara serta peningkatan kualiti taraf hidup rakyat Malaysia sejajar dengan dasar pengagihan kekayaan ekonomi yang lebih saksama.

Tahun 2005 juga merupakan berakhirnya Rancangan Malaysia Kelapan dan baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan dasar hala tuju dan strategi yang disarankan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 - 2010) yang juga merupakan fasa kedua Wawasan 2020.

Pada tahun 2005, tumpuan juga diberikan kepada mempercepatkan perubahan ke arah peningkatan aktiviti-aktiviti yang mempunyai nilai tambah bagi memastikan daya gerak yang lebih baik bagi pertumbuhan yang dipelopori sektor swasta, serta pembangunan sumber manusia untuk membantu pertumbuhan. Dasar untuk mempelbagaikan lagi ekonomi juga memberi tumpuan kepada sektor perkhidmatan khususnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pelancongan.

Tumpuan khas telah diberikan ke arah mempertingkatkan tahap daya saing Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta menggalakkan pelaburan oleh PKS. Ini merupakan penghargaan terhadap sumbangan penting PKS dalam pelbagai bidang ekonomi di negara ini dengan mewujudkan hubungan antara pembangunan perindustrian negara bagi kedua-dua syarikat besar dan syarikat multinasional. Selama ini, PKS berhadapan dengan pelbagai cabaran demi menyahut seruan kerajaan untuk mempertingkatkan pembangunan ekonomi negara. Sebagai jentera pertumbuhan ekonomi, PKS menyumbangkan hampir 90 peratus daripada jumlah perniagaan dalam kebanyakan sektor ekonomi; menyediakan peluang-peluang yang besar kepada PKS untuk menjadi pemangkin pertumbuhan ke arah perkembangan pelaburan sektor swasta.

Kedudukan Perniagaan Keseluruhan

Pada tahun 2005, CGC telah berterusan memberi sokongan dan terlibat secara aktif dalam usaha-usaha penting yang strategik dalam pembangunan PKS. Sejalan dengan misi dan objektifnya, CGC terus menguruskan enam (6) skim jaminan yang dikategorikan sebagai Skim-skim Utama dan Skim-skim Pembiayaan Berprogram, seperti berikut:-

Skim-skim Utama

1. Skim Jaminan Utama Baru (SJUB)
2. Skim Jaminan Perbankan Islam (SJPI)
3. Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT)
4. Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)

Skim-skim Pembiayaan Berprogram

1. Skim Jaminan Anjal (SJA)
2. Skim Pembiayaan Francais (SPF)



Sebagai sebahagian daripada pengembangan tumpuan perniagaan, CGC telah memperkenalkan ‘*Skim Jaminan Laluan Terus Islam*’ (SJLT-*i*), versi perbankan Islam bagi Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT) pada Disember 2005. SJLT-*i* diwujudkan khusus untuk memenuhi permintaan yang meningkat bagi kemudahan-kemudahan perbankan Islam di negara ini. Ini adalah sejajar dengan penglibatan CGC dalam menyediakan pilihan antara kemudahan komersial dan produk Islam untuk PKS. SJLT-*i* bukanlah Skim Jaminan Islam yang pertama ditawarkan oleh CGC. Namun, skim ini buat pertama kali diperkenalkan melalui 16 buah cawangan CGC di seluruh negara, bertujuan untuk melengkapkan kemudahan SJLT secara konvensional yang sedia ada.

Pada tahun 2005, dengan adanya 16 buah cawangan CGC yang beroperasi di seluruh negara, SJLT mencatatkan satu lagi rekod prestasi yang memberangsangkan dengan memanfaatkan 2,349 pinjaman bernilai RM1,385 juta berbanding dengan 2,076 pinjaman bernilai RM962.88 juta yang diluluskan dalam tahun 2004. Selain daripada SJLT, CGC terus menawarkan pelbagai akses kemudahan pembiayaan lain kepada PKS, antaranya SJUB, SJUK, SJPI dan SJA.

Dalam usaha yang berterusan untuk mengembangkan produk, mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan dan memasuki pasaran yang di luar sistem tradisional dan konvensional, satu memorandum persefahaman (MoU) telah dimeterai antara CGC dan Bumiputra-Commerce Bank pada bulan Julai bagi menyebarkan lagi *BCB Fast Track Pro-Finance*. Skim ini dijangka akan memberi rangsangan untuk PKS daripada golongan profesional kerana ia dirangka khusus untuk membantu firma-firma yang bertauliah memperolehi pembiayaan bagi modal pusingan dan mengembangkan perniagaan. Pakej kewangan ini ditawarkan melalui pendekatan *fastrack* untuk klinik perubatan dan pergigian swasta, perunding perakaunan, audit dan percukaian serta klinik veterinar. Program usahasama ini akan menggunakan skim yang sedia ada, iaitu Skim Jaminan Utama Baru dan Skim Jaminan Usahawan Kecil.

Pertumbuhan Perniagaan

Pinjaman-pinjaman Baru Yang Dijamin

Tahun 2005 mencatatkan satu lagi rekod prestasi yang memberangsangkan, iaitu 8,567 pinjaman bernilai RM3.31 bilion telah diluluskan berbanding dengan 8,452 pinjaman bernilai RM3.01 bilion yang diluluskan pada tahun sebelumnya, peningkatan sebanyak 1.4% dan 10.0% dari segi bilangan dan nilai pinjaman.

Tahun 2005 menyaksikan perubahan yang nyata dalam pemilihan produk CGC. SJLT buat pertama kalinya mencatatkan prestasi yang memberangsangkan dengan melepasi nilai satu bilion ringgit. Permintaan untuk SJLT meningkat dengan ketara sekali dalam tahun 2005 dari segi bilangan dan nilai pinjaman, mengatasi pencapaian terbaik pada tahun 2004, iaitu melalui skim SJUB. SJLT merupakan penyumbang tertinggi bagi kelulusan pinjaman secara keseluruhannya dalam tahun 2005, dan dari segi bilangan dan nilai, iaitu masing-masing memberikan sumbangan sebanyak 2,349 pinjaman bernilai RM1.39 bilion. Pada tahun 2004, SJLT mencatatkan sebanyak 2,076 pinjaman bernilai RM962.88 juta. Ini disusuli dengan SJUB yang merekodkan sebanyak 3,323 pinjaman bernilai RM1.03 bilion berbanding dengan 3,340 pinjaman bernilai RM1.06 bilion pada tahun 2004.

Tahun	2004		2005	
	Bil.	Nilai (RM juta)	Bil.	Nilai (RM juta)
Skim-skim				
Skim-skim Utama	6,806	2,172.64	6,882	2,511.59
Terdiri daripada:				
Skim Jaminan Utama Baru	3,340	1,061.68	3,323	1,033.41
Skim Jaminan Usahawan Kecil	1,285	44.03	1,122	40.66
Skim Jaminan Perbankan Islam	105	104.05	88	51.99
Skim Jaminan Laluan Terus	2,076	962.88	2,349	1,385.53
Skim-skim Pembiayaan Berprogram	1,646	834.96	1,685	798.05
Terdiri daripada:				
Skim Jaminan Anjal	1,620	816.21	1,681	797.41
Skim Pembiayaan Francais	13	1.97	4	0.64
Kemudahan Jaminan Khas	13	16.78	-	-
JUMLAH	8,452	3,007.60	8,567	3,309.64

Jadual 1: Pinjaman yang diluluskan pada tahun 2004 dan 2005

Pada tahun 2005, sejumlah 12,056 pinjaman bernilai RM1.92 bilion telah dibayar balik dan dibatalkan (2004: 14,271 pinjaman; RM1.83 bilion). Pinjaman yang masih di bawah jaminan CGC pada 31 Disember 2005 adalah berjumlah 85,450 pinjaman dengan jumlah kelulusan bernilai RM11.86 bilion dan perlindungan jaminan bernilai RM9.61 bilion (2004: 88,939 pinjaman; RM10.48 bilion).

Sejak penubuhannya, CGC secara kumulatifnya telah menjamin sebanyak 353,134 pinjaman bernilai RM32.12 bilion.

Tinjauan Operasi

1. Arah Pinjaman

Pinjaman yang dijamin di bawah pelbagai skim jaminan pada tahun 2005 telah memanfaatkan tiga sektor utama, iaitu perniagaan am, pembuatan dan pertanian.

Sektor perniagaan am mencatatkan 7,004 pinjaman (2004: 6,824 pinjaman) bernilai RM2,466.38 juta (2004: RM2,210.88 juta), diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 1,470 pinjaman (2004: 1,532 pinjaman) bernilai RM801.57 juta (2004: RM766.11 juta) dan sektor pertanian dengan 89 pinjaman (2004: 91 pinjaman) bernilai RM38.88 juta (2004: RM28.81 juta).

2. Taburan Pinjaman Mengikut Negeri

Seperti tahun lepas, Selangor telah mencatatkan bilangan pinjaman yang dijamin paling tinggi di bawah semua skim pada kadar 23.93% dengan 2,050 pinjaman bernilai RM928.90 juta, diikuti pula oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mencatatkan 1,199 pinjaman bernilai RM540.63 juta, iaitu 14.0% daripada bilangan pinjaman yang dijamin di bawah skim utama pada tahun tersebut.

Cawangan Utama CGC di Kelana Jaya telah membantu dalam meningkatkan bilangan pinjaman yang diluluskan di negeri Selangor. Pada tahun 2005, 595 pinjaman telah diluluskan oleh Cawangan Utama, iaitu 25.33% daripada pinjaman yang diluluskan di bawah SJLT.

3. Pinjaman Mengikut Kaum



CGC telah menjamin 2,201 pinjaman bernilai RM737.63 juta kepada usahawan Bumiputera di bawah semua skim, iaitu 25.69% dan 22.29% daripada keseluruhan pinjaman yang diluluskan dari segi bilangan dan nilai. Usahawan Cina pula masing-masing mencatatkan 68.10% (5,834 pemohon) dan 72.91% (RM2,413 juta) dari segi bilangan dan nilai keseluruhan pinjaman yang diluluskan, manakala usahawan India pula masing-masing mencatatkan 5.21% (446 pemohon) dari segi bilangan dan 3.48% (RM115.24 juta) dari segi nilai pinjaman.

Di bawah Skim Pembiayaan Berprogram, usahawan Bumiputera mencatatkan 23.98% (404 pemohon) daripada keseluruhan pinjaman yang diluluskan di bawah kategori ini dari segi bilangan dan 28.89% (RM230.60 juta) dari segi nilai. Peminjam daripada kaum Cina masing-masing mencatatkan 71.57% (1,206 pemohon) dan 67.66% (RM540.04 juta) dari segi bilangan dan nilai pinjaman. Manakala pengusaha kaum India pula masing-masing telah mencatatkan 3.92% (66 pemohon) dan 2.64% (RM21.11 juta) dari segi bilangan dan nilai pinjaman.

4. Pinjaman Mengikut Saiz

SJLT menyumbangkan sebanyak 2,349 pinjaman yang dijamin pada tahun 2005 bernilai RM1,385.53 juta. Di bawah SJLT, 745 pinjaman iaitu 31.72% daripada keseluruhan pinjaman pada tahun 2005 adalah di bawah RM250,000, manakala 1,604 (68.29%) pinjaman bernilai RM1,275.16 juta (92.04%) telah diluluskan untuk pinjaman yang melebihi RM250,000. Daripada 2,349 pinjaman yang dijamin di bawah skim ini, 477 pinjaman atau 20.31% daripada pinjaman yang dijamin adalah melibatkan pembiayaan antara RM100,000 hingga RM250,000. Sementara itu, 706 pinjaman, yang bersamaan dengan 30.06% daripada pinjaman yang dijamin di bawah SJLT adalah melibatkan pembiayaan antara RM250,000 hingga RM500,000. Untuk pembiayaan yang melebihi RM500,000, sebanyak 898 pinjaman telah dijamin oleh CGC iaitu 10.48% daripada jumlah pinjaman baru bernilai RM994.68, mewakili 30.05% daripada keseluruhan pinjaman yang dijamin oleh CGC pada tahun 2005.

Di bawah Skim Jaminan Utama Baru, pinjaman di bawah RM250,000 merekodkan 25.19% (2,158 pinjaman) dari segi bilangan bernilai RM258.92 juta (7.82%) daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dijamin pada tahun 2005. Pinjaman berjumlah antara RM250,000 hingga RM500,000 mencatatkan 7.45% (638 pinjaman) dengan nilai 7.05% (RM233.33 juta) daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dijamin pada tahun 2005. Manakala pinjaman berjumlah antara RM500,000 dengan RM1,000,000 mencatatkan 3.17% (272 pinjaman) dengan nilai 6.13% (RM202.72 juta) daripada keseluruhan jumlah pinjaman yang dijamin pada tahun 2005.

Di bawah Skim Jaminan Anjal, pinjaman di bawah RM250,000 hanya mencatatkan 7.55% (647 pinjaman) dari segi bilangan manakala pinjaman yang melebihi RM250,000 mencatatkan 12.07% daripada jumlah pinjaman yang dijamin pada tahun 2005. Sejumlah besar pinjaman di bawah Skim Jaminan Usahawan Kecil adalah antara RM40,001 hingga RM50,000, masing-masing menyumbang 4.54% dan 0.57% dari segi bilangan dan nilai keseluruhan pinjaman yang diluluskan pada tahun 2005.

Sepertimana tahun-tahun sebelumnya, secara keseluruhannya sejumlah besar daripada pinjaman yang dijamin oleh CGC pada tahun 2005 adalah pinjaman di bawah RM250,000, khususnya membantu perusahaan yang lebih kecil.

Sorotan Kewangan

Hasil kendalian CGC terdiri daripada yuran jaminan dan pendapatan pelaburan. Perolehan daripada yuran jaminan telah meningkat sebanyak RM7.67 juta atau 11.66% kepada RM73.41 juta berbanding RM65.74 juta pada 2004. Pendapatan pelaburan telah menurun daripada RM82.40 juta pada tahun 2004 kepada RM71.19 juta dalam tahun 2005.

Perbelanjaan operasi pada tahun 2005 meningkat kepada RM170.17 juta berbanding RM142.79 juta pada tahun 2004, disebabkan oleh peruntukan yang lebih tinggi bagi pinjaman gagal, iaitu sebanyak RM24.12 juta. Dengan meningkatnya perolehan perbezaan faedah kepada RM43.47 juta (2004: RM33.70 juta), keuntungan bersih bagi tahun sebelum dipindahkan ke rizab adalah berjumlah RM48.93 juta berbanding dengan RM73.76 juta pada tahun 2004.

Penentuan tanggungan terhadap pinjaman yang dijamin oleh CGC adalah berdasarkan kepada semakan ke atas pinjaman gagal yang dilaporkan oleh institusi-institusi kewangan. Oleh itu, CGC telah menyediakan tambahan ke atas Peruntukan Khas sebanyak RM186.39 juta (2004: RM129.42 juta) dan Peruntukan Am sebanyak RM5.90 juta, menjadikan jumlah peruntukan bagi tahun 2005 adalah sebanyak RM192.29 juta (2004: RM134.29 juta).

Pada akhir tahun 2005, jumlah peruntukan untuk memenuhi tuntutan ke atas pinjaman yang dijamin oleh CGC telah menurun kepada RM402.90 juta (2004: RM426.65 juta).

CGC terus memikul tanggungjawabnya ke atas pinjaman-pinjaman lapuk yang dituntut oleh institusi kewangan. Pada tahun 2005, 6,481 tuntutan bernilai RM879.53 juta telah dibuat. Pada tempoh masa yang sama, sejumlah 6,810 tuntutan bernilai RM943.40 juta telah diproses dan sejumlah 3,802 tuntutan bernilai RM498.00 juta telah diluluskan.

Pada tahun 2005, CGC telah mendapat perolehan sebanyak RM25.33 juta, berbanding dengan jumlah pembayaran bernilai RM220.06 juta. Secara kumulatifnya, CGC telah mendapat perolehan bernilai RM120.27 juta berbanding dengan jumlah pembayaran bernilai RM862.33 juta. Kadar jumlah perolehan sehingga akhir tahun 2005 ialah 13.95% manakala kadar perolehan bagi tahun 2005 adalah 11.51%. Sementara itu, CGC telah meluluskan sejumlah 258 akaun bernilai RM115.90 juta bagi tujuan subrogasi di bawah pinjaman SJLT, 41 akaun (RM5.69 juta) bagi PROSPER dan 1 akaun (RM1.48 juta) untuk pinjaman bukan-SJLT.

Kegiatan-kegiatan Sokongan

Sebagai sebahagian daripada strategi pemasaran dan komunikasi untuk mempromosi dan meningkatkan pemahaman berhubung skim-skim CGC pada tahun 2005, CGC telah mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti khususnya pameran dan ekspo tahunan utama yang dianjurkan oleh kerajaan dan pihak swasta di seluruh negara. CGC juga telah memberi sokongan yang padu dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD) dengan mengambil bahagian di dalam pameran dan sesi penerangan.

Pada tahun 2005, CGC telah mengambil bahagian di dalam 87 sesi penerangan dan pameran yang telah memanfaatkan sejumlah 18,416 peserta.

Dialog Usahawan yang telah diperkenalkan sejak tahun 2001 merupakan salah satu lagi usaha komunikasi pemasaran CGC, menampakkan perkembangan yang semakin baik dari semasa ke semasa yang dapat dilihat melalui peningkatan bilangan pesertanya. Para peserta mendapat maklumat yang berfaedah menerusi taklimat-taklimat oleh panel-panel *Business Advisory Services Entity* (BASE) dan institusi-institusi kewangan yang turut serta.



Dialog Usahawan telah menjadi satu platform yang berguna untuk menyebarkan maklumat berkaitan pengurusan pinjaman bagi memastikan pinjaman kekal baik pada setiap masa. CGC berpendapat usaha untuk memberikan kesedaran kepada PKS akan kepentingan mengekalkan pinjaman yang baik di dalam setiap perniagaan adalah amat diperlukan. Empat sesi yang telah diadakan di ibu pejabat CGC telah menerima penyertaan yang menggalakkan, manakala dialog di peringkat zon yang telah diadakan di Prai, Kuala Terengganu dan Batu Pahat, juga dapat menarik sebilangan besar para usahawan. Sesi penerangan dan seminar secara bersama dengan persatuan peniaga/dewan-dewan perniagaan/institusi-institusi juga dilaksanakan di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran mengenai CGC di kalangan masyarakat umum dan institusi kewangan.

CGC telah menganugerahkan Anugerah Pendukung Utama PKS Tahun 2004 kepada empat buah institusi kewangan tempatan. Anugerah ini pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 1996 dan telah pun memasuki tahun ke-10 sebagai menghargai sumbangan besar institusi-institusi kewangan dalam membiayai PKS dan penglibatan secara keseluruhan dalam melaksanakan skim-skim jaminan CGC pada tahun 2004. Penerima-penerima anugerah adalah Maybank, Bumiputra-Commerce Bank, RHB Bank Berhad dan Hong Leong Bank Berhad. Bagi Maybank dan BCB ini merupakan anugerah istimewa kerana mereka berjaya memenangnya untuk sepuluh tahun berturut-turut daripada CGC. Bagi Hong Leong Bank Berhad, ini merupakan kali pertama menerima anugerah ini manakala bagi RHB Bank Berhad, telah enam kali berturut-turut menerima anugerah ini. CGC akan menyampaikan anugerah ini kepada empat institusi kewangan bersempena dengan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-33.

CGC merupakan ahli di dalam Asian Credit Supplementation Institution Confederation (ACSIC) yang dianggotai oleh institusi Jaminan Kredit daripada sepuluh buah negara. CGC telah menyertai persidangan ACSIC ke-18 pada Oktober 2005 di Seoul, Korea. Persidangan di Seoul amat bermakna kerana ia memberi peluang kepada CGC untuk berkongsi pemikiran ke atas komitmen untuk membangunkan sektor PKS di negara masing-masing dalam suasana globalisasi.

Pada tahun 2006, negara-negara yang menganggotai ACSIC akan memikul peranan yang lebih mencabar dalam mengukuhkan skim-skim jaminan kredit serta menghadapi peningkatan persaingan dalam kegiatan membantu PKS. Namun begitu, komitmen berterusan daripada kerajaan masing-masing kepada PKS akan memastikan kesinambungan pembangunan PKS untuk jangka panjang. Persidangan ACSIC Ke-19 2006 akan dianjurkan oleh CGC di Kuala Lumpur, dengan tema *“Credit Guarantee in a Market-Driven Environment: The Challenge of being Self Sustainable”*.

Masa Hadapan

Pada tahun 2005, gabungan antara permintaan domestik dan eksport yang kukuh memperlihatkan pertumbuhan keseluruhan keluaran dalam negara kasar (KNDK) pada kadar 5.3%. Prospek ekonomi Malaysia pada tahun 2006 dijangka akan kukuh, walaupun pertumbuhan perlahan dalam ekonomi global yang disebabkan oleh harga minyak yang tinggi dan kadar faedah yang meningkat. Ekonomi dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya dengan jangkauan pertumbuhan KDNK pada kadar 6.0%, disebabkan oleh permintaan domestik sektor swasta.

Di sebalik persekitaran yang mencabar pada masa hadapan, CGC akan meneruskan strateginya memperkembangkan pinjaman dengan kos yang berpatutan, di samping mengekalkan piawaian dan cara kredit CGC. Untuk terus kekal relevan di dalam persekitaran yang sentiasa berubah-ubah, serta terus menyokong usaha gigih kerajaan dalam pembangunan sektor PKS, peranan CGC akan diperluaskan supaya keberkesanannya dapat dipertingkatkan dalam membantu pembangunan dan perkembangan PKS yang berdaya saing. Untuk tujuan itu, usaha-usaha akan diperhebatkan untuk mengubah CGC daripada penjamin kredit biasa kepada sebuah institusi kewangan yang efektif dan kukuh dan menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan semasa para PKS.

CGC akan mempertingkatkan langkah-langkah yang lebih holistik dalam menangani isu berkaitan akses kewangan kepada PKS, antaranya:

- mempertingkatkan penawaran produk pemangkin kredit dengan menambahkan senarai institusi-institusi terbabit dengan melibatkan bank-bank Islam dan institusi-institusi kewangan pembangunan serta penglibatan dalam sekuriti pinjaman PKS;
- menubuhkan skim kewangan secara langsung untuk membantu golongan sasaran, iaitu PKS yang tidak mendapat bantuan dari segi kewangan dalam persekitaran semasa;
- menubuhkan perkhidmatan maklumat kredit untuk memudahkan penilaian kredit oleh pihak bank, serta memperkenalkan budaya pengurusan kewangan yang baik kepada golongan PKS; dan
- menyediakan khidmat nasihat untuk pembangunan perniagaan dan perkara-perkara berkaitan kewangan sebagai satu perkhidmatan tambahan demi mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan PKS.



CGC juga telah mengenalpasti peningkatan yang perlu dibuat pada tahun 2006 yang merangkumi:

- pembentukan inisiatif pembangunan sumber manusia;
- mempertingkatkan amalan pengurusan risiko agar setanding dengan amalan yang terbaik dan piawaian antarabangsa; dan
- mempertingkatkan infrastruktur teknologi maklumat dan sistem.

CGC juga akan menumpukan kepada kepelbagaian produk dan perkhidmatan yang sinonim dengan produk yang ditawarkan oleh institusi-institusi perbankan, dan yang lebih berdaya saing bagi membolehkan CGC mencapai tahap yang kukuh dalam jangka masa yang panjang.

Industri perbankan dan kewangan dijangkakan akan terus berkembang berdasarkan peningkatan peluang pinjaman dan sejajar dengan kepesatan pertumbuhan ekonomi. CGC menerusi 16 cawangannya di seluruh negara akan memperluaskan jangkauan kepada PKS melalui penjenamaan CGC serta program usahasama dengan institusi-institusi kewangan. Ini akan membolehkan para PKS memperoleh manfaat menerusi kemudahan-kemudahan jaminan yang ditawarkan oleh CGC.


Usaha-usaha juga ditumpukan oleh CGC kepada penglibatan dalam pinjaman PKS berbentuk sekuriti yang pertama seumpamanya di negara ini. Di samping mempertingkatkan keupayaan institusi-institusi kewangan dalam memberikan pembiayaan kepada PKS, sekuriti juga akan membolehkan PKS secara tidak langsung menggunakan kemudahan pinjaman yang diperolehi mereka di pasaran terbuka.

CGC akan terus mempertingkatkan perkhidmatan pelanggan dengan memperkembangkan *Client Service Centre* dan saluran perbankan internet, iGuarantee. Ini menggambarkan usaha berterusan CGC untuk menyediakan perkhidmatan yang baik setanding dengan piawaian antarabangsa. CGC juga akan mempergiatkan usaha komunikasi pemasaran untuk mewujudkan lebih banyak kesedaran di kalangan orang ramai tentang peranan CGC dalam membantu PKS memperoleh akses pembiayaan, khususnya skim jaminan berteraskan syariah iaitu SJLT-i.


Akhir sekali, saya amat berharap dengan adanya kerjasama erat dan berterusan daripada institusi-institusi kewangan dan sokongan daripada Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi lain, serta inisiatif di bawah rancangan perubahan yang sedang berjalan, CGC akan bertindak sebagai pemacu pembangunan dan perkembangan PKS. Malah, CGC sentiasa menyedari harapan yang tinggi yang diberikan oleh pihak yang berkepentingan - pengguna, pemegang-pemegang saham dan warga kerja - untuk pertumbuhan jangka panjang yang kukuh dan peningkatan keuntungan pada tahun-tahun mendatang. Dengan bersandarkan kepada halatuju ekonomi Malaysia yang positif, serta asas yang kukuh bagi menjadikan CGC sebagai institusi kewangan di bawah proses perubahan, CGC dijangka akan terus mencatatkan pencapaian yang memberangsangkan pada tahun 2006.

Bilangan dan Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim

Tahun	2001	2002	2003	2004	2005
Bilangan	320,748	328,025	336,115	344,567	353,134
Nilai (RM bilion)	21.1	23.1	25.8	28.8	32.1




Bilangan Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim



Nilai Pinjaman Dijamin Terkumpul di bawah Semua Skim




Pinjaman Dijamin (Mengikut Bilangan dan Nilai)

Tahun	2001	2002	2003	2004	2005
Bilangan	6,837	7,277	8,090	8,452	8,567
Nilai (RM juta)	1,587.50	2,003.50	2,683.58	3,007.60	3,309.64



Taburan Saiz Pinjaman di bawah Semua Skim


Taburan Saiz Pinjaman	Bil.	%	Nilai (RM juta)	%
1,000 - 50,000	1,177	13.7	42.88	1.3
50,001 - 100,000	1,636	19.1	133.23	4.0
100,001 - 250,000	2,015	23.5	360.83	10.9
250,001 - 500,000	1,925	22.5	731.34	22.1
500,001 - 1,000,000	1,133	13.2	877.42	26.5
1,000,001 - 10,000,000	681	8.0	1,163.94	35.2
Jumlah	8,567	100.0	3,309.64	100.0



Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Utama (Mengikut Nilai Pinjaman)

Bumiputera Bukan Bumiputera

Skim-skim Utama	%	Nilai (RM juta)
Bumiputera	20.2	507.03
Bukan Bumiputera	79.8	2,004.56
Jumlah	100.0	2,511.59



Pecahan Pinjaman Berdasarkan Kaum untuk Skim-skim Pembiayaan Berprogram (Mengikut Nilai Pinjaman)

Bumiputera Bukan Bumiputera

Skim-skim Pembiayaan Berprogram	%	Nilai (RM juta)
Bumiputera	28.9	230.60
Bukan Bumiputera	71.1	567.45
Jumlah	100.0	798.05



CGC
Transforms
Your
Creativity
Into
Reality



Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan dan penyata kewangan CGC yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31hb Disember, 2005.

1. Kegiatan Utama

Kegiatan utama CGC ialah memberi jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan yang menjadi ahli CGC di bawah Skim-skim berikut:-

- Skim Jaminan Utama Baru (SJUB);
- Tabung Usahawan Baru (TUB);
- Skim Pembiayaan Francais (SPF);
- Skim Jaminan Anjal (SJA);
- Skim Jaminan Laluan Terus (SJLT);
- Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK); dan
- Skim Perbankan Islam (SPI).

Tiada terdapat sebarang perubahan yang ketara dalam kegiatan CGC sepanjang tahun ini.

Skim-skim berikut telah ditamatkan, tapi masih belum dilupakan:-

- Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) (ditamatkan sejak Mei 1999);
- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) (ditamatkan sejak Ogos 1998);
- Tabung Usahawan Kecil (TUK) (ditamatkan sejak Januari 2000);
- Tabung Ekonomi Belia (TEB) (ditamatkan sejak Julai 1998);
- Skim Program Jaminan Usahawan (SPJU) (ditamatkan sejak November 2000); dan
- Skim Kemudahan Jaminan Khas (KJK) (ditamatkan sejak Julai 2004).

2. Hasil

	RM
Untung kendalian bagi tahun ini	5,452,201
Tambah: Perbezaan faedah yang diperolehi	<u>43,473,809</u>
Untung bersih bagi tahun	48,926,010
Untung tersimpan dibawa ke hadapan	<u>390,037,571</u>
Untung untuk pindahan	438,963,581
Pindahan ke rizab	<u>(43,473,809)</u>
Untung tersimpan dihantar ke hadapan	<u><u>395,489,772</u></u>

3. Dividen

Sehingga tahun kewangan yang lepas, CGC tidak mengisytiharkan sebarang bayaran dividen.

Para pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran untuk dividen bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 2005.

Laporan Pengarah

4. Rizab Dan Peruntukan

a. Rizab

Para pengarah telah mencadangkan pindahan sebanyak RM43,473,809 daripada keuntungan pada tahun ini ke rizab berikut:-

	RM
Rizab Khas	26,429,648
Rizab Program Khas	15,794,453
Rizab SPI	<u>1,249,708</u>
	<u>43,473,809</u>

b. Peruntukan

Bagi tahun ini, peruntukan kepada tuntutan yang mungkin dibuat ke atas CGC sebanyak RM192,290,815 telah disediakan dari Penyata Pendapatan, Rizab Khas, Rizab SPI dan Rizab Program Khas.

5. Hutang Lapuk Dan Hutang Ragu

Sebelum penyata kewangan CGC disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menentukan tindakan telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu, dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk telah dihapuskan dan peruntukan hutang ragu yang mencukupi telah disediakan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang memerlukan mana-mana hutang dihapuskan sebagai hutang lapuk atau peruntukan yang disediakan bagi hutang ragu yang tidak mencukupi.

6. Harta Semasa

Sebelum penyata kewangan CGC disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa harta semasa, yang tidak berkemungkinan menunjukkan nilai buku yang sebenar dalam urusan perniagaan biasa CGC, telah diturun nilai ke paras yang dijangka dapat dihasilkan.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan di mana nilai harta semasa CGC di dalam penyata kewangan mengelirukan.

7. Cara Menilai

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang wujud bersangkutan dengan cara menilai harta atau tanggungan CGC yang boleh mengelirukan atau tidak sesuai.

8. Tanggungan Luar Jangka Dan Lain-Lain Tanggungan

Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:-

- sebarang gadaian ke atas harta CGC sejak 31hb Disember, 2005 untuk menjamin tanggungan orang lain; dan
- apa-apa tanggungan luarjangka ke atas CGC sejak 31hb Disember, 2005.

Tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan CGC yang telah atau mungkin dituntut dalam jangkamasa dua belas bulan dari 31hb Disember, 2005 yang mana mengikut pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan CGC dalam memenuhi tanggungannya apabila tiba masanya.

9. Perubahan Keadaan

Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang boleh membuat jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.

10. Perkara-Perkara Yang Luar Biasa

Mengikut pendapat para pengarah:-

- a. hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan berakhir 31hb Disember, 2005 tidak terjejas dengan banyak oleh sebarang butiran, urusanniaga atau kejadian yang penting dan luarbiasa; dan
- b. tidak ada butiran, urusanniaga atau kejadian penting dan luarbiasa yang berbangkit dari 31hb Disember, 2005 hingga tarikh laporan ini, yang akan menjejaskan dengan nyata hasil kendalian CGC bagi tahun kewangan yang mana laporan ini dibuat.

11. Pengarah-Pengarah

Pengarah-pengarah CGC yang memegang jawatan semenjak tarikh Laporan Pengarah yang terakhir adalah:-

Datuk Zamani Abdul Ghani	Pengerusi
Datuk Wan Azhar Wan Ahmad	Pengarah Urusan
Encik Md. Yusof Hussin	(dilantik pada 29.9.2005)
Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed	(dilantik pada 29.9.2005)
Datuk P. Kasi	(dilantik pada 29.9.2005)
Dato' Tan Yew Thong	(dilantik pada 29.9.2005)
Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz	(dilantik pada 29.9.2005)
Puan Zaiton Mohd Hassan	(dilantik pada 29.9.2005)
Dato' Abdul Hamidy Abdul Hafiz	(dilantik pada 03.4.2006)
Datuk Amirsham A. Aziz	(bersara pada 30.9.2005)
Encik Mohamed Azmi Mahmood	(bersara pada 27.9.2005)
Encik Zahir J. Cama	(bersara pada 27.9.2005)
Encik Chung Chee Leong	(bersara pada 27.9.2005)

Tidak ada pengarah yang memiliki saham CGC sepanjang tahun yang diliputi oleh penyata pendapatan.

Datuk Wan Azhar Wan Ahmad bersara mengikut giliran berdasarkan Fasal 76A dan 76B Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

Encik Md. Yusof Hussin, Dato' Mohd Hanif Sher Mohamed, Datuk P. Kasi, Dato' Tan Yew Thong, Dato' Mohd Rosli Abdul Aziz, Puan Zaiton Mohd Hassan dan Dato' Abdul Hamidy Abdul Hafiz bersara berdasarkan Fasal 77 Tataurusan Syarikat pada Mesyuarat Agung Tahunan dan, kerana layak, menawarkan diri untuk dilantik semula.

Laporan Pengarah

12. Faedah Pengarah

Sejak tahun kewangan yang berakhir, tidak ada pengarah CGC yang telah menerima atau layak menerima apa-apa faedah (selain dari faedah yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau berhak di terima oleh pengarah-pengarah seperti yang di dalam penyata kewangan, atau gaji tetap bagi pengarah sepenuh masa CGC) mengikut kontrak yang dibuat oleh CGC dengan pengarah atau dengan firma di mana pengarah itu adalah ahli, atau dengan syarikat lain di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata.

Pada penghujung dan sepanjang tahun kewangan ini, CGC tidak terlibat dalam sebarang urusan yang bertujuan untuk membolehkan pengarah memperolehi kepentingan melalui perolehan saham atau debentur CGC atau di dalam syarikat lain.

13. Juruaudit

Salleh, Leong, Azlan & Co telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perlantikan semula.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATUK ZAMANI ABDUL GHANI



MD. YUSOF HUSSIN

Kuala Lumpur,
Tarikh: 13hb April, 2006

Kunci Kira-Kira Pada 31hb Disember, 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
HARTA & PERALATAN	5	35,615,499	40,246,190
HARTA SEMASA			
Yuran akan diterima		11,588,053	26,039,077
Penghutang-penghutang lain		5,725,285	7,985,715
Pinjaman dan pendahuluan	6	326,389,104	590,499,320
Sekuriti pelaburan	7	119,749,252	157,985,078
Simpanan tetap dan faedah akan diterima	8	4,087,369,451	3,773,910,300
Wang tunai dan baki dalam bank		7,228,105	19,186,058
		<u>4,558,049,250</u>	<u>4,575,605,548</u>
TOLAK: TANGGUNGAN SEMASA			
Tuntutan akan dibayar		63,143,566	74,291,915
Pemiutang-pemiutang lain		44,145,189	48,603,712
Dana Kerajaan	9	300,000,000	300,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	10	300,000,000	300,000,000
Tabung Usahawan Kecil	11	400,000,000	490,000,000
Dana Denda	12	-	50,000,000
Peruntukan tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan	13	402,896,387	426,646,844
		<u>1,510,185,142</u>	<u>1,689,542,471</u>
HARTA BERSIH SEMASA		<u>3,047,864,108</u>	<u>2,886,063,077</u>
		<u>3,083,479,607</u>	<u>2,926,309,267</u>
DIBIYAI OLEH:			
MODAL SAHAM	14	1,635,600,000	1,635,600,000
RIZAB	15	<u>578,879,607</u>	<u>540,709,267</u>
DANA PEMEGANG SAHAM		2,214,479,607	2,176,309,267
TANGGUNGAN JANGKA PANJANG			
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	10	650,000,000	650,000,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	16	50,000,000	50,000,000
Tabung Usahawan Kecil	11	90,000,000	-
Skim Jaminan Usahawan Kecil	20	79,000,000	50,000,000
		<u>869,000,000</u>	<u>750,000,000</u>
		<u>3,083,479,607</u>	<u>2,926,309,267</u>

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
HASIL KENDALIAN	22	144,596,993	148,144,810
PELBAGAI PENDAPATAN KENDALIAN		<u>31,023,052</u>	<u>34,704,684</u>
		175,620,045	182,849,494
KOS KAKITANGAN		(16,917,203)	(14,985,002)
SUSUTNILAI	5	(6,035,712)	(6,091,196)
PERUNTUKAN TUNTUTAN DI BAWAH SKIM-SKIM JAMINAN		(139,787,469)	(115,671,783)
PELBAGAI PERBELANJAAN KENDALIAN		(7,427,460)	(6,043,770)
JUMLAH PERBELANJAAN KENDALIAN		<u>(170,167,844)</u>	<u>(142,791,751)</u>
UNTUNG KENDALIAN BAGI TAHUN	23	5,452,201	40,057,743
PERBEZAAN FAEDAH YANG DIPEROLEHI	24	<u>43,473,809</u>	<u>33,697,713</u>
UNTUNG BERSIH BAGI TAHUN		<u><u>48,926,010</u></u>	<u><u>73,755,456</u></u>

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2005

	Modal Saham Biasa RM	Modal Saham Keutamaan RM	Rizab Khas RM	Rizab Program Khas RM	Rizab SPI RM	Untung Tersimpan RM	Jumlah RM
Baki pada 1hb Januari, 2005	1,435,600,000	200,000,000	17,903,485	93,432,306	39,335,905	390,037,571	2,176,309,267
Untung kendalian bagi tahun	-	-	-	-	-	5,452,201	5,452,201
Perbezaan faedah yang diperolehi	-	-	-	-	-	43,473,809	43,473,809
Pindahan dari penyata pendapatan ke rizab	-	-	26,429,648	15,794,453	1,249,708	(43,473,809)	-
Geran diterima dalam tahun - Skim PROSPER (nota 21)	-	-	-	30,000,000	-	-	30,000,000
Peruntukan tuntutan	-	-	(8,123,883)	(28,337,233)	(7,861,082)	-	(44,322,198)
Perbelanjaan pentadbiran - TUK	-	-	-	(33,988)	-	-	(33,988)
Subsidi Faedah - SPF	-	-	-	(142,406)	-	-	(142,406)
Faedah di bawah TPUK	-	-	-	1,165	-	-	1,165
Tuntutan pulangan di bawah - TPPPK 1992	-	-	1,745,663	-	-	-	1,745,663
- TUK	-	-	-	1,980,294	-	-	1,980,294
- PROSPER	-	-	-	16,300	-	-	16,300
Bayaran balik pendahuluan	-	-	(500)	-	-	-	(500)
Baki pada 31hb Disember, 2005	<u>1,435,600,000</u>	<u>200,000,000</u>	<u>37,954,413</u>	<u>112,710,891</u>	<u>32,724,531</u>	<u>395,489,772</u>	<u>2,214,479,607</u>

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

Penyata Perubahan Ekuiti Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2004

	Modal Saham Biasa RM	Modal Saham Keutamaan RM	Rizab Khas RM	Rizab Program Khas RM	Rizab SPI RM	Untung Tersimpan RM	Jumlah RM
Baki pada 1hb Januari, 2004							
- dinyatakan sebelumnya	1,435,600,000	200,000,000	379,575	73,745,091	539,470	369,420,812	2,079,684,948
- pelarasan tahun sebelumnya	-	-	-	975,553	-	20,559,016	21,534,569
- dinyatakan semula	1,435,600,000	200,000,000	379,575	74,720,644	539,470	389,979,828	2,101,219,517
Untung kendalian bagi tahun	-	-	-	-	-	40,057,743	40,057,743
Perbezaan faedah yang diperolehi	-	-	-	-	-	33,697,713	33,697,713
Pindahan dari penyata pendapatan ke rizab	-	-	17,595,104	16,082,910	19,699	(33,697,713)	-
Pindahan dari penyata pendapatan ke rizab SPI	-	-	-	-	40,000,000	(40,000,000)	-
Peruntukan yang tidak diperlukan/(peruntukan) bagi tuntutan	-	-	-	1,136,557	(1,223,264)	-	(86,707)
Perbelanjaan pentadbiran - TUK	-	-	-	(34,852)	-	-	(34,852)
Subsidi faedah - SPF	-	-	-	(297,132)	-	-	(297,132)
Faedah di bawah TPUK	-	-	-	72,909	-	-	72,909
Tuntutan pulangan di bawah							
- TPKPK 1992	-	-	115,098	-	-	-	115,098
- TUK	-	-	-	1,751,270	-	-	1,751,270
- AIM	-	-	33,280	-	-	-	33,280
Bayaran balik pendahuluan	-	-	(219,572)	-	-	-	(219,572)
Baki pada 31hb Disember, 2004	<u>1,435,600,000</u>	<u>200,000,000</u>	<u>17,903,485</u>	<u>93,432,306</u>	<u>39,335,905</u>	<u>390,037,571</u>	<u>2,176,309,267</u>

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

Penyata Aliran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2005

	2005 RM	2004 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PENGENDALIAN		
Untung bersih bagi tahun	48,926,010	73,755,456
Pelarasan untuk:		
Susutnilai harta & peralatan	6,035,712	6,091,196
Peruntukan tuntutan di bawah skim-skim jaminan	139,787,469	115,671,783
(Untung)/Rugi dari jualan bon-bon pelaburan	2,300,295	(9,261,198)
Untung atas pelupusan harta & peralatan	(2,098)	(58,407)
Pelupusan harta & peralatan	-	9
Perbezaan faedah yang diperolehi	(43,473,809)	(33,697,713)
Keuntungan pengendalian sebelum perubahan dalam modal pusingan	153,573,579	152,501,126
Kurangan/(tambahan) dalam yuran akan diterima	14,451,024	3,629,938
Tambahan faedah akan diterima	(197,143)	(2,303,602)
Kurangan/(tambahan) penghutang-penghutang lain	2,260,430	2,083,050
Kurangan pinjaman dan pendahuluan	264,110,216	325,345,200
Tambahan pemiutang-pemiutang lain	(4,458,523)	7,115,807
Kurangan tuntutan akan dibayar	(208,394,390)	(114,138,076)
Wang tunai bersih yang dihasilkan dari pengendalian	221,345,193	374,233,443
Pembayaran tuntutan di bawah skim-skim jaminan	(10,614,083)	(9,007,696)
Pendapatan faedah di bawah Skim TPUK	1,165	72,909
Subsidi faedah yang dibayar untuk SPF	(142,406)	(297,132)
Kos pentadbiran di bawah Skim TUK	(33,988)	(34,852)
Tuntutan dituntut di bawah Skim TUK	1,980,294	1,751,270
Tuntutan dituntut di bawah Skim TPPPK 1992	1,745,663	115,098
Tuntutan dituntut di bawah Skim AIM	-	33,280
Tuntutan dituntut di bawah Skim PROSPER	16,300	-
Bayaran balik pendahuluan	(500)	(219,572)
Wang tunai bersih yang dihasilkan dari kegiatan pengendalian	214,297,638	366,646,748
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Perolehan dari sekuriti pelaburan matang	87,318,621	224,899,268
Perolehan dari penjualan harta & peralatan	2,100	112,249
Pembelian harta & peralatan	(1,405,023)	(2,146,391)
Pembelian sekuriti pelaburan	(51,383,090)	-
Perbezaan faedah yang diperolehi	43,473,809	33,697,713
Wang tunai bersih yang dihasilkan dari kegiatan pelaburan	78,006,417	256,562,839

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

Penyata Aliran Wang Tunai Bagi Tahun Berakhir 31hb Disember, 2005

	2005 RM	2004 RM
ALIRAN WANG TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Dana denda diterima	-	50,000,000
Geran diterima di bawah Skim PROSPER (Nota 21)	30,000,000	-
Dana dibayar kepada Bank Negara Malaysia	(50,000,000)	(100,000,000)
Dana diterima dari Kementerian Kewangan Malaysia	29,000,000	-
Wang tunai bersih dihasilkan/(digunakan) dari kegiatan pembiayaan	9,000,000	(50,000,000)
PERTAMBAHAN BERSIH WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI DALAM TAHUN	301,304,055	573,209,587
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 1hb JANUARI	3,761,654,165	3,188,444,578
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI PADA 31hb DISEMBER	4,062,958,220	3,761,654,165
WANG TUNAI DAN KESAMAAN WANG TUNAI MERANGKUMI:		
Simpanan tetap (Nota 8)	4,055,730,115	3,742,468,107
Wang tunai dan baki dalam bank	7,228,105	19,186,058
	4,062,958,220	3,761,654,165

Nota-nota di muka surat 81 hingga 96 adalah sebahagian dari penyata kewangan ini

1. Asas Perakaunan

Akaun ini telah disediakan berasaskan konvensyen kos asal dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan di dalam Akta Syarikat, 1965.

Penyediaan penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan di Malaysia dan peruntukan di dalam Akta Syarikat 1965 memerlukan Pengarah-pengarah untuk membuat anggaran dan andaian yang mana memberi kesan dalam jumlah harta dan tanggungan dan pendedahan harta dan tanggungan luarjangka pada tarikh penyata kewangan dan laporan jumlah hasil dan perbelanjaan pada tahun tersebut. Keputusan sebenar mungkin berbeza dari anggaran-anggaran tersebut.

2. Maklumat Am

Penyata Kewangan CGC diluluskan untuk dikeluarkan pada 28hb Mac 2006, oleh Lembaga Pengarah.

CGC ialah sebuah syarikat tanggungan berhad ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia.

Bilangan pekerja CGC ialah 374 (2004:325) orang pada akhir tahun kewangan.

Alamat pejabat berdaftar CGC ialah Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

Alamat urusan perniagaan utama CGC ialah Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya.

3. Polisi Bagi Risiko Kewangan

Dalam kegiatan harian, CGC terdedah kepada 4 jenis risiko utama iaitu Risiko Kredit, Risiko Pasaran, Risiko Kecairan dan Risiko Kendalian.

a. Risiko Kredit

Risiko kredit adalah potensi kerugian yang wujud oleh kerana pihak yang dijamin atau pihak yang berkaitan gagal memenuhi tuntutan kewangan.

Risiko kredit daripada jaminan

CGC mengurus risiko kredit dengan menilai peminjam berdasarkan model 'In House Credit-Scoring' CGC menggunakan model ini bagi mengukur kemantapan pinjaman pada tahap pengukuran yang ditetapkan.

Risiko Kredit yang wujud daripada instrumen kewangan

Pendedahan risiko kredit yang wujud daripada pelaburan dalam instrumen kewangan dikurangkan dengan cara melabur, yang sejumlah besarnya, dalam Simpanan Tetap dengan pemegang-pemegang saham. Sementara itu bagi instrumen hutang, CGC hanya melabur dalam instrumen hutang yang bertaraf tinggi sahaja.

b. Risiko Pasaran

Risiko pasaran wujud daripada pergerakan yang tidak menentu di dalam harga pasaran pelaburan. CGC melabur di dalam instrumen hutang terutamanya untuk pendapatan faedah/dividen, dengan memegang pelaburan tersebut sehingga matang. Oleh itu, CGC dapat mengurangkan risiko pasarannya.

c. Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang wujud bila CGC menempuh kesulitan dalam mencari modal untuk memenuhi tuntutan kewangannya pada kos dan masa yang berpatutan. Risiko kecairan ditangani dengan memperbagaikan kematangan pelaburan kepada jangkamasa yang berlainan berdasarkan jarak kematangan.

d. Risiko Kendalian

Risiko kendalian adalah risiko daripada kerugian langsung atau tidaklangsung akibat dari ketidaktepatan atau kegagalan proses dalaman, kakitangan dan sistem, atau faktor luaran. CGC mengurangkan risiko kendaliannya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman dan peraturan yang lengkap yang mana kerap disemak dan diaudit oleh juruaudit dalaman.

4. Dasar-Dasar Perakaunan Yang Penting

a. Harta & Peralatan

Harta & peralatan dinyatakan pada nilai kos dan ditolak darinya jumlah susutnilai terkumpul. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos harta & peralatan yang berkenaan dalam jangkamasa kegunaan harta-harta tersebut. Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan atas tanah pegang pajak	4%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat	20%
Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan komputer	20%

b. Rosotnilai harta

Nilai yang dibawa oleh harta dikira semula bagi rosotnilai apabila terdapat tanda-tanda rosotnilai pada harta. Rosotnilai dianggarkan dengan membandingkan nilai yang dibawa oleh harta dengan nilai sebenar harta. Nilai sebenar harta adalah nilai bersih yang tertinggi yang dijangka direalisasikan dan nilai digunakan, di mana ianya dinilai dengan merujuk kepada aliran tunai masa hadapan yang didiskaun. Jumlah sebenar harta adalah dianggarkan bagi setiap harta atau, jika ianya tidak mungkin, dari unit yang menerbitkan tunai.

Kerugian rosotnilai dicajkan ke penyata pendapatan dengan segera. Sebarang kenaikan dari nilai sebenar harta dikira sebagai pulangan bagi kerugian rosotnilai yang sebelumnya dan dikenal pasti hingga ketahap nilai yang dibawa oleh harta itu di mana ianya telah ditentukan (jumlah bersih yang telah dibereskan dan disusutnilai) tiada kerugian rosotnilai yang telah dikenal pasti. Pulangan dikenalpasti di penyata pendapatan dengan segera. Tiada kerugian rosotnilai dikenalpasti di penyata pendapatan CGC sepanjang tahun.

c. Pinjaman dan Pendahuluan

Pinjaman dan pendahuluan dinyatakan pada kos setelah ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh pihak pengurusan ke atas portfolio pinjaman, peruntukan khas untuk hutang ragu dibuat bila kemampuan untuk memungut semula hutang diragui.

Pinjaman yang tidak boleh dipungut semula atau sebahagian pinjaman yang dikelaskan sebagai hutang lapuk diluputkan bila prospek untuk ianya dipungut tipis.

d. Sekuriti Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain adalah dinyatakan mengikut kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar portfolio.

e. Pengiraan Hasil

Yuran jaminan diambilkira atas dasar terakru mengikut tempoh masa jaminan masing-masing.

Pendapatan faedah daripada simpanan tetap dan Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bon Cagamas dan Bon-bon lain diambilkira atas dasar terakru.

f. Peruntukan Tuntutan di bawah Skim-skim Jaminan

Peruntukan khas untuk memenuhi tuntutan telah dibuat bagi tanggungan CGC berdasarkan pemberitahuan yang dibuat oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan apabila pinjaman telah dikelaskan sebagai tidak berbayar. Pengkelasan pinjaman sebagai tidak berbayar oleh institusi kewangan adalah berdasarkan keperluan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia melalui “**Garis Panduan ke atas Penungguhan Faedah Terhadap Pinjaman Tidak Berbayar dan Peruntukan untuk Hutang Lapuk dan Meragukan, BNM/GP3**”.

Selain daripada itu, peruntukan am sebanyak 1.5% (2004: 1.5%) daripada jumlah keseluruhan kemudahan kredit yang dijamin oleh CGC selepas diambil kira peruntukan khas untuk tuntutan juga disediakan.

Pada tahun 2002, CGC telah menukarkan polisi perakaunan bagi peruntukan untuk tuntutan bagi skim-skim utama. Peruntukan yang dibuat dicaj dahulu kepada penyata pendapatan, dan jika ianya tidak mencukupi, peruntukan akan dicaj kepada rizab khas.

Untuk skim-skim yang lain pula, peruntukan terhadap tuntutan dibuat menerusi rizab yang tertentu. Di dalam keadaan di mana rizab tersebut tidak mencukupi, baki terhadap peruntukan tersebut akan dicaj menerusi penyata pendapatan.

g. Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan yang dinyatakan dalam kunci kira-kira terdiri daripada wang tunai dan baki dalam bank, pelaburan-pelaburan, penghutang-penghutang, pemiutang-pemiutang dan pinjaman-pinjaman. Kaedah pengiktirafan yang diambil dilaporkan dalam setiap penyata dasar perakaunan bagi setiap instrumen kewangan.

Harta kewangan adalah harta dari wang tunai, perjanjian untuk menerima wang tunai atau harta kewangan dari syarikat lain; perjanjian bagi pertukaran instrumen-instrumen kewangan dengan syarikat lain di bawah situasi yang berpotensi membawa keuntungan; atau instrumen ekuiti dari syarikat lain.

Instrumen-instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh CGC diklasifikasikan sebagai tanggungan atau ekuiti mengikut kepada dasar perjanjian yang dimeterai. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian ke atas instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai tanggungan dilaporkan sebagai perbelanjaan atau hasil. Pembahagian kepada pemegang instrumen-instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai ekuiti dicaj terus ke ekuiti. Instrumen-instrumen kewangan ditolak kesahihannya apabila CGC mempunyai hak-hak untuk menolak kesahihan jumlah yang dikenalpasti dan bertujuan untuk membereskan jumlah bersih atau merealisasikan harta dan membereskan tanggungan pada masa yang sama.

h. Peruntukan bagi Tanggungan

Peruntukan bagi tanggungan diambil kira apabila CGC mempunyai tanggungan semasa disebabkan peristiwa yang lepas; ada kemungkinan pengaliran keluar keuntungan diperlukan bagi menunaikan tanggungan; dan anggaran kasar jumlahnya boleh dibuat. Peruntukan akan dikira semula pada setiap tarikh kunci kira-kira dan diselaraskan bagi menunjukkan anggaran yang paling tepat. Apabila kesan nilai masa sebagai berharga itu tinggi, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang mungkin diperlukan bagi membayar tanggungan.

i. Kebajikan Pekerja

Kebajikan Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus adalah dikenalpasti sebagai perbelanjaan dalam tahun tersebut yang mana perkhidmatan tersebut telah diberikan oleh pekerja-pekerja. Pampasan jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar dikenalpasti bila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja yang mana meningkatkan hak mereka untuk pampasan ketidakhadiran masa hadapan seperti cuti sakit yang diakui bila ketidakhadiran berlaku.

Mengikut undang-undang, syarikat di Malaysia dikehendaki membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sumbangan seumpama ini adalah diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata kewangan apabila ianya berlaku.

j. Wang Tunai dan Kesamaan Wang Tunai

Wang tunai adalah tunai di tangan dan baki dalam bank.

Kesamaan wang tunai adalah aset jangka pendek, mempunyai tahap kecairan yang tinggi yang boleh ditukar kepada wang tunai dalam jumlah yang boleh ditentukan pada bila-bila masa dan mempunyai risiko perubahan nilai yang amat kecil.

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

5. Harta & Peralatan

	Bangunan Atas		Peralatan Pejabat	Perabot dan Peralatan Komputer		Kerja dalam Kemajuan	Jumlah
	Tanah Pajak	Pegang Kenderaan Bermotor		Kelengkapan			
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
2005							
Kos:							
Pada 1hb Januari	44,091,574	682,120	1,313,362	7,311,231	17,665,464	-	71,063,751
Tambahan	-	-	34,177	267,559	946,279	157,008	1,405,023
Jualan	-	-	(3,790)	-	(4,760)	-	(8,550)
Pada 31hb Disember	<u>44,091,574</u>	<u>682,120</u>	<u>1,343,749</u>	<u>7,578,790</u>	<u>18,606,983</u>	<u>157,008</u>	<u>72,460,224</u>
Susutnilai Berkumpul:							
Pada 1hb Januari	14,109,304	544,299	742,664	4,930,382	10,490,912	-	30,817,561
Caj bagi tahun ini	1,763,663	94,270	197,220	980,423	3,000,136	-	6,035,712
Penghapusan atas jualan	-	-	(3,789)	-	(4,759)	-	(8,548)
Pada 31hb Disember	<u>15,872,967</u>	<u>638,569</u>	<u>936,095</u>	<u>5,910,805</u>	<u>13,486,289</u>	<u>-</u>	<u>36,844,725</u>
Nilai Buku Bersih pada 31hb Disember	<u>28,218,607</u>	<u>43,551</u>	<u>407,654</u>	<u>1,667,985</u>	<u>5,120,694</u>	<u>157,008</u>	<u>35,615,499</u>
Kos harta yang telah disusut nilaikan tetapi masih digunakan	<u>-</u>	<u>544,597</u>	<u>395,839</u>	<u>3,475,483</u>	<u>3,158,978</u>	<u>-</u>	<u>7,574,897</u>
2004							
Kos:							
Pada 1hb Januari	44,091,574	987,357	919,488	6,183,397	17,198,890	-	69,380,706
Tambahan	-	-	397,251	1,124,457	624,683	-	2,146,391
Pelupusan	-	-	-	-	(153,609)	-	(153,609)
Reklasifikasi	-	-	(3,377)	3,377	-	-	-
Jualan	-	(305,237)	-	-	(4,500)	-	(309,737)
Pada 31hb Disember	<u>44,091,574</u>	<u>682,120</u>	<u>1,313,362</u>	<u>7,311,231</u>	<u>17,665,464</u>	<u>-</u>	<u>71,063,751</u>
Susutnilai Berkumpul:							
Pada 1hb Januari	12,345,641	618,573	565,490	3,914,497	7,691,659	-	25,135,860
Caj bagi tahun ini	1,763,663	177,122	177,230	1,015,829	2,957,352	-	6,091,196
Pelupusan	-	-	-	-	(153,600)	-	(153,600)
Reklasifikasi	-	-	(56)	56	-	-	-
Penghapusan atas jualan	-	(251,396)	-	-	(4,499)	-	(255,895)
Pada 31hb Disember	<u>14,109,304</u>	<u>544,299</u>	<u>742,664</u>	<u>4,930,382</u>	<u>10,490,912</u>	<u>-</u>	<u>30,817,561</u>
Nilai Buku Bersih pada 31hb Disember	<u>29,982,270</u>	<u>137,821</u>	<u>570,698</u>	<u>2,380,849</u>	<u>7,174,552</u>	<u>-</u>	<u>40,246,190</u>
Kos harta yang telah disusut nilaikan tetapi masih digunakan	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>281,099</u>	<u>1,798,113</u>	<u>2,428,128</u>	<u>-</u>	<u>4,507,340</u>

Geran hak milik bagi bangunan atas tanah pegang pajak masih belum diterima dari Pejabat Tanah.

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

6. Pinjaman Dan Pendahuluan

	2005 RM	2004 RM
Pada 1 Januari	590,499,320	915,844,520
Tambah: Pinjaman dikeluarkan	<u>-</u>	<u>1,321,459</u>
	590,499,320	917,165,979
Tolak: Bayaran diterima	<u>(264,110,216)</u>	<u>(326,666,659)</u>
Pada 31 Disember	<u>326,389,104</u>	<u>590,499,320</u>

Jumlah ini merupakan baki pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah Skim-skim Pinjaman Khas CGC yang tertera dalam Nota 10 kepada penyata kewangan ini serta pembiayaan Skim Tabung Usahawan Kecil (TUK), Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) dan Tabung Usahawan Baru 2 (TUB2).

7. Sekuriti Pelaburan

	2005 RM	2004 RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia	30,545,000	56,919,695
Faedah akan diterima	208,166	673,771
	30,753,166	57,593,466
Bon Cagamas	30,044,000	-
Faedah akan diterima	219,679	-
	30,263,679	-
Bon-bon lain	57,930,300	99,087,400
Faedah akan diterima	802,107	1,304,212
	58,732,407	100,391,612
	<u>119,749,252</u>	<u>157,985,078</u>
Nilai Pasaran		
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	32,540,500	59,578,348
- Bon Cagamas	29,864,000	-
- Bon-bon lain	57,578,000	98,849,300
	<u>119,982,500</u>	<u>158,427,648</u>

8. Simpanan Tetap Dan Faedah Akan Diterima

	2005 RM	2004 RM
Simpanan tetap		
- dengan bank-bank berlesen	3,368,458,504	3,473,266,510
- dengan institusi-institusi kewangan yang lain	687,271,611	269,201,597
	4,055,730,115	3,742,468,107
Faedah akan diterima		
- dari bank-bank berlesen	24,835,220	28,145,910
- dari institusi-institusi kewangan yang lain	6,804,116	3,296,283
	31,639,336	31,442,193
	<u>4,087,369,451</u>	<u>3,773,910,300</u>

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

9. Dana Kerajaan

	2005 RM	2004 RM
Pada 31hb Disember	<u>300,000,000</u>	<u>300,000,000</u>
Bayar balik bila diarahkan	300,000,000	200,000,000
Bayar balik dalam 12 bulan	-	100,000,000
	<u>300,000,000</u>	<u>300,000,000</u>

Jumlah di atas termasuk pelbagai pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM), dengan terma-terma berikut:-

- a. RM80 juta bertujuan membolehkan CGC meningkatkan rizab, pembayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah.
- b. RM220 juta bertujuan untuk dana pinjaman:-
 - i. RM50 juta untuk TPPP 1992 dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah;
 - ii. RM50 juta untuk PPK 1992 dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikenakan faedah 1% setahun;
 - iii. RM20 juta untuk pengendalian Skim Pinjaman Khas Persatuan (SPKP) dengan bayaran balik berasaskan arahan dan dikecualikan dari faedah;
 - iv. RM100 juta untuk Tabung Perlaburan Baru (TPB) perlu dibayar balik pada 14hb Disember, 2005 selepas mendapat kebenaran dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi penangguhan bayaran balik selama 2 tahun. Pada tahun ini, CGC telah memohon penangguhan bayaran balik selama 2 tahun lagi tetapi masih menunggu kelulusan perlanjutan tempoh tersebut.

Dari jumlah ini, RM200 juta adalah bercagar dengan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Simpanan Tetap masing-masing bernilai RM77 juta dan RM80 juta.

Perbezaan faedah yang diperolehi dari simpanan ini dipindahkan ke Rizab Khas, Rizab Program Khas dan Rizab SPI (Nota 15 dan 24).

10. Pinjaman Dari Bank Negara Malaysia

	2005 RM	2004 RM
Bayar balik dalam 12 bulan	300,000,000	300,000,000
Bayar balik selepas 12 bulan	650,000,000	650,000,000
	<u>950,000,000</u>	<u>950,000,000</u>

Jumlah pinjaman dari Bank Negara Malaysia (BNM) merangkumi yang berikut:-

- a. RM300 juta, bayaran balik dalam masa 12 bulan, yang terdiri daripada berikut:-
 - i. RM100 juta telah diperuntukan oleh BNM untuk membolehkan CGC meningkatkan rizab jaminannya. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang selama 5 tahun dari tarikh pengeluaran pada 8hb Julai, 1999. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari Bank Negara Malaysia dan masih menunggu kelulusan perlanjutan tempoh tersebut.
 - ii. Di dalam tahun 1999, Bank Negara Malaysia telah memberikan pinjaman sebanyak RM200 juta kepada CGC untuk menanggung kos operasi CGC dalam pengendalian terbitan saham hak. Selepas pinjaman tersebut matang, jumlah ini telah disalurkan kepada TUK untuk memenuhi permintaan pinjaman dan akan digunakan untuk meningkatkan tabung rizab bagi memenuhi keperluan tuntutan di bawah skim TUK. Pinjaman ini dijamin oleh nota perjanjian yang dikeluarkan pada 4hb Januari, 2000 dengan tempoh matang pada 31hb Disember, 2004, pada kadar faedah 1% setahun. CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pinjaman kepada satu tarikh yang akan ditentukan kelak.

10. Pinjaman Dari Bank Negara Malaysia (Sambungan)

b. RM650 juta, pembayaran balik selepas 12 bulan, terdiri daripada berikut:-

- i. RM200 juta, telah diterima oleh CGC pada tahun 2000 untuk mentadbir Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS 2);
- ii. RM200 juta, penambahan pinjaman yang diterima dalam tahun 2001 untuk TIKS 2;
- iii. RM250 juta, untuk mentadbir Tabung Usahawan Baru 2 (TUB 2) dalam tahun 2001.

Pembayaran balik untuk kedua-dua tabung TIKS 2 dan TUB 2 yang diterima akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan yang terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini tertakluk kepada nota perjanjian dan dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun.

11. Tabung Usahawan Kecil

	2005 RM	2004 RM
Bayar balik dalam 12 bulan	400,000,000	490,000,000
Bayar balik selepas 12 bulan	90,000,000	-
	490,000,000	490,000,000

Pada 10hb Disember, 1998, CGC telah menandatangani perjanjian dengan kerajaan yang telah menyumbang sebanyak RM50 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Usahawan Kecil (TUK). Tabung untuk pinjaman ini akan dibayar balik kesemuanya selepas 10 tahun apabila skim ini dimansuhkan.

Peruntukan tambahan sebanyak RM40 juta yang sebelum ini disediakan untuk TPKPK 1992 telah dipindahkan dari dana kerajaan untuk digunakan bagi TUK. Jumlah ini tidak dikenakan faedah dan dijamin oleh nota perjanjian dengan 10 tahun tarikh matang dari tarikh pengeluaran pada 18hb Disember, 1997.

Skim ini adalah untuk membantu usahawan-usahawan kecil mendapatkan pembiayaan di antara RM2,000 ke RM20,000 bagi tujuan modal pusingan dan/atau pembelian aset dengan pembiayaan bagi modal pusingan tidak melebihi RM10,000.

Dalam tahun 1999, Bank Negara Malaysia telah memperuntukkan RM400 juta untuk tabung ini di mana RM300 juta telah dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 8hb Julai, 1999 dan RM100 juta dijamin oleh nota perjanjian dengan tempoh matang 5 tahun dari tarikh ianya dikeluarkan iaitu pada 3 September, 1999. Kedua-dua jumlah ini dikenakan faedah pada kadar 1% setahun. Pada tahun sebelumnya, CGC telah memohon untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik dari Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia bersetuju untuk melanjutkan tempoh pembayaran balik pinjaman pada suatu tarikh yang akan ditentukan kelak.

CGC telah memberhentikan pemberian pinjaman di bawah TUK sebagaimana yang telah diputuskan oleh Menteri Pembangunan Usahawan berkuatkuasa pada 1hb Januari, 2000. Walaubagaimanapun, CGC masih menguruskan pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan di bawah skim ini sebelum dari tarikh tersebut.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 15).

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

12. Dana Denda

	2005 RM	2004 RM
Setakat pada 1hb Januari	50,000,000	-
Bayaran diterima pada tahun ini	-	50,000,000
Bayar balik pada tahun ini	(50,000,000)	-
Setakat pada 31hb Disember	<u>-</u>	<u>50,000,000</u>

Bank Negara Malaysia telah mengarahkan Hong Leong Bank Bhd untuk menempatkan sejumlah RM50 juta ke dalam akaun CGC untuk tempoh satu tahun. Dana ini perlu dilaburkan untuk memperolehi pendapatan pelaburan bagi menggantikan kos yang ditanggung oleh CGC akibat dari penggunaan dana CGC untuk membiayai pinjaman TIKS 2 dan TUB 2.

Faedah yang diperolehi dari dana ini adalah pada 2.98% setahun dan pelaburan dibuat berdasarkan Tawaran Kadar Faedah Antara Bank-Bank Kuala Lumpur untuk 3 bulan (KLIBOR).

Dalam tahun ini, dana denda berjumlah RM50 juta ini telah dibayar balik kepada Hong Leong Bank Berhad.

13. Peruntukan Untuk Tuntutan Di Bawah Skim Jaminan

	2005 RM	2004 RM
Peruntukan khas:		
Pada 1hb Januari		
- dinyatakan sebelumnya	382,175,964	393,967,586
- pelarasan tahun sebelumnya	-	(21,534,569)
- dinyatakan semula	<u>382,175,964</u>	<u>372,433,017</u>
Peruntukan dalam tahun		
- Rizab Program Khas	21,116,841	-
- Rizab SPI	8,162,285	1,049,063
- Rizab Khas	4,337,255	-
- Penyata Pendapatan	157,317,289	129,305,777
Peruntukan yang tidak diperlukan dalam tahun		
- Rizab Program Khas	(4,330,203)	(939,594)
- Rizab SPI	(216,225)	-
Tuntutan perlu dibayar	<u>(216,041,272)</u>	<u>(119,672,299)</u>
Pada 31hb Disember	<u>352,521,934</u>	<u>382,175,964</u>
Peruntukan am:		
Pada 1hb Januari	44,470,880	39,596,859
Peruntukan dalam tahun		
- Rizab SPI	-	174,201
- Penyata Pendapatan	5,934,479	4,896,783
Peruntukan yang tidak diperlukan dalam tahun		
- Rizab Program Khas	(19,480)	(196,963)
- Rizab SPI	(11,426)	-
Pada 31hb Disember	<u>50,374,453</u>	<u>44,470,880</u>
Jumlah	<u>402,896,387</u>	<u>426,646,844</u>

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

14. Modal Saham

	2005 RM	2004 RM
DIBENARKAN:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	2,500,000,000	2,500,000,000
Saham keutamaan bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	<u>500,000,000</u>	<u>500,000,000</u>
	<u>3,000,000,000</u>	<u>3,000,000,000</u>
Saham biasa yang dibenarkan terdiri dari:-		
Kelas A	1,500,000,000	1,500,000,000
Kelas B	750,000,000	750,000,000
Kelas C	<u>250,000,000</u>	<u>250,000,000</u>
Jumlah saham biasa yang dibenarkan	<u>2,500,000,000</u>	<u>2,500,000,000</u>

Saham Kelas A terdiri dari saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada Bank Negara Malaysia. Saham Kelas B mengandungi semua saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu yang didaftarkan kepada pemegang-pemegang saham yang menjalankan perniagaan perbankan. Saham-saham yang tidak diklasifikasikan sebagai saham Kelas A atau saham Kelas B adalah saham Kelas C. Semua kelas saham biasa mempunyai hak yang sama rata antara satu sama lain.

DITERBITKAN DAN DIBAYAR PENUH:

	2005 RM	2004 RM
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	1,435,600,000	1,435,600,000
200,000,000 saham keutamaan boleh tebus 10 tahun pada kadar 1% tidak terkumpul bernilai RM1.00 setiap satu - Pada 31hb Disember	<u>200,000,000</u>	<u>200,000,000</u>
Jumlah	<u>1,635,600,000</u>	<u>1,635,600,000</u>

Saham keutamaan ini memberi hak kepada dividen keutamaan pada kadar 1% (selepas cukai) ke atas modal yang telah dibayar dan ianya akan dibayar dalam masa tertentu mengikut syarat-syarat yang mana pengarah-pengarah dengan kuasa yang ada dan pada pertimbangan mereka telah menentukan yang ianya layak dibayar, dibuat atau dibayar dalam sebarang tahun kewangan tetapi tidak akan diberi hak kepada sebarang tuntutan ke atas keuntungan.

Modal saham biasa yang diterbitkan dan dibayar sepenuhnya terdiri dari:

	2005 RM	2004 RM
Kelas A	1,097,096,000	1,097,096,000
Kelas B	321,791,000	242,686,000
Kelas C	<u>16,713,000</u>	<u>95,818,000</u>
Jumlah modal saham biasa	<u>1,435,600,000</u>	<u>1,435,600,000</u>

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

15. Rizab

	2005 RM	2004 RM
Rizab Program Khas	112,710,891	93,432,306
Rizab Khas	37,954,413	17,903,485
Rizab SPI	<u>32,724,531</u>	<u>39,335,905</u>
	183,389,835	150,671,696
Untung Tersimpan	<u>395,489,772</u>	<u>390,037,571</u>
	<u>578,879,607</u>	<u>540,709,267</u>
Rizab Program Khas:-		
Pada 1hb Januari		
- dinyatakan sebelumnya	93,432,306	73,745,091
- pelarasan tahun sebelumnya	-	<u>975,553</u>
- dinyatakan semula	<u>93,432,306</u>	74,720,644
Geran diterima di bawah "PROSPER"	30,000,000	-
Perbelanjaan pentadbiran di bawah "TUK"	(33,988)	(34,852)
Tuntutan yang dibayar balik di bawah "TUK"	1,980,294	1,751,270
Tuntutan yang dibayar balik di bawah "PROSPER"	16,300	-
Subsidi faedah di bawah "SPF"	(142,406)	(297,132)
Faedah di bawah "TPUK"	1,165	72,909
Pindahan dari penyata pendapatan	15,794,453	16,082,910
Peruntukan yang tidak diperlukan/(peruntukan) bagi tuntutan	<u>(28,337,233)</u>	<u>1,136,557</u>
Pada 31hb Disember	<u>112,710,891</u>	<u>93,432,306</u>

Rizab Program Khas diwujudkan untuk menampung kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah TUK, TPUK, AIM, SPF, TEB dan PROSPER dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Ini termasuk tabung jaminan sebanyak RM40,000,000 yang diberikan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dalam tahun 1997 untuk TPUK (Nota 16).

Dalam tahun 2000, CGC telah menerima sebanyak RM21.4 juta dari MECD untuk menyediakan jaminan ke atas pembiayaan yang dikeluarkan di bawah beberapa skim jaminan oleh institusi-institusi kewangan kepada syarikat-syarikat vendor yang layak.

Dalam tahun ini, CGC telah menerima sejumlah RM30,000,000 dari Kementerian Kewangan untuk skim PROSPER. Dana ini akan digunakan untuk memenuhi kemungkinan kerugian pinjaman di bawah skim ini (Nota 21).

	2005 RM	2004 RM
Rizab SPI:-		
Pada 1hb Januari	39,335,905	539,470
Pindahan dari penyata pendapatan	1,249,708	19,699
Pindahan dari untung terkumpul	-	40,000,000
Peruntukan tuntutan	(7,861,082)	(1,223,264)
Pada 31hb Disember	<u>32,724,531</u>	<u>39,335,905</u>

15. Rizab (Sambungan)

Rizab SPI diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka bagi skim SPI di bawah jaminan secara Islam dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai.

Dalam tahun 2004, CGC telah memindahkan sebanyak RM40 juta dari untung tersimpan ke Rizab SPI (Skim Perbankan Islam) untuk memenuhi keperluan luarjangka di bawah skim tersebut untuk tempoh 5 tahun akan datang.

	2005 RM	2004 RM
Rizab Khas:-		
Pada 1hb Januari	17,903,485	379,575
Pindahan dari penyata pendapatan	26,429,648	17,595,104
Tuntutan dibayar balik di bawah "TPPPK 1992"	1,745,663	115,098
Pembayaran balik	(500)	(219,572)
Pengembalian bayaran AIM	-	33,280
Peruntukan tuntutan	(8,123,883)	-
Pada 31hb Disember	<u>37,954,413</u>	<u>17,903,485</u>

Rizab Khas ini diwujudkan untuk memenuhi tuntutan luarjangka di atas pinjaman-pinjaman yang dijamin oleh CGC di bawah pelbagai skim yang lain dan bukan untuk dibahagikan sebagai dividen tunai. Mulai tahun 2002, tuntutan bagi skim-skim yang lain dicaj kepada penyata pendapatan. Rizab Khas mungkin digunakan bagi membayar tuntutan luarjangka bagi skim-skim yang lain jika diperlukan.

Jumlah yang dipindahkan dari penyata pendapatan ke atas rizab-rizab ini terdiri daripada perbezaan faedah yang diperolehi dari dana kerajaan, Tabung TUK, TPUK, SPF, TEB, SJUK dan PROSPER (Nota 9, 11, 16, 17, 18 dan 20).

16. Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil

	2005 RM	2004 RM
Pada 31hb Disember	<u>50,000,000</u>	<u>50,000,000</u>

Dalam tahun 1996, CGC telah menandatangani satu perjanjian dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang menyumbang sebanyak RM200 juta kepada tabung yang dikenali sebagai Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil (TPUK) di mana RM50 juta telah diterima dalam tahun 1996. Pembayaran balik akan dibuat secara ansuran tahunan dengan jumlah yang sama selama 5 tahun bermula dari ulangtahun kelima setiap sumbangan.

Selain dari itu, MECD telah menyumbangkan tabung jaminan sebanyak RM40 juta dalam tahun 1996 yang dimasukkan di bawah Program Rizab Khas untuk tujuan menyerap kerugian yang mungkin dialami dari pinjaman-pinjaman yang diberikan di bawah TPUK (Nota 15).

Tabung ini bertujuan untuk menyediakan satu lagi pendekatan bagi usahawan-usahawan kecil mendapatkan bantuan kewangan bagi memaju dan menaikkan taraf perniagaan masing-masing. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada usahawan-usahawan kecil di bawah TPUK adalah tidak melebihi 6% setahun dengan jumlah setiap pinjaman tidak melebihi RM50,000.

Berkuatkuasa pada 1 Januari, 1999, MECD telah menggabungkan TPUK dan TUK. Penggabungan kedua-dua skim ini dikenali sebagai TUK. Tabung jaminan sebanyak RM40 juta yang ada di bawah Rizab Program Khas boleh digunakan untuk menanggung perbelanjaan yang berkaitan dengan Unit Pinjaman Kecil (SLU) yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan skim TUK yang baru.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 15).

17. Tabung Skim Pembiayaan Francais

Pada 27hb Oktober, 1997, memorandum persefahaman telah ditandatangani di antara CGC, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) dan tiga buah bank bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais di bawah tabung yang dikenali sebagai Skim Pembiayaan Francais (SPF).

CGC telah menerima RM4 juta dari MECD pada 1998 yang terdiri dari RM2 juta sebagai tabung jaminan dan RM2 juta lagi sebagai subsidi ke atas faedah kepada peminjam. Dalam tahun 1999, CGC telah menerima RM2 juta dari MECD untuk tabung jaminan.

Pada tahun 2000, CGC telah menerima RM14,393,000 dari MECD yang terdiri dari RM7,196,500 sebagai tabung jaminan dan RM7,196,500 lagi sebagai subsidi ke atas faedah kepada peminjam-peminjam. Pada tahun 2002, CGC telah menerima RM2,900,000 dari MECD terdiri daripada RM1,450,000 sebagai tabung jaminan dan RM1,450,000 lagi sebagai subsidi ke atas faedah kepada peminjam-peminjam. Pada tahun 2003, CGC telah menerima tambahan sebanyak RM15,000,000 dari MECD sebagai tabung jaminan.

Program ini akan membolehkan usahawan-usahawan yang mengendalikan perniagaan francais yang berdaya maju mendapat laluan kepada kemudahan kredit sehingga tahap maksima RM7.5 juta. Bank boleh mengenakan kadar faedah maksima KAP + 1.5% ke atas peminjam. Walaubagaimanapun, MECD melalui CGC akan memberi subsidi ke atas bayaran faedah bagi mengurangkan kos pinjaman peminjam.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 15).

18. Program Pembangunan Ekonomi Belia (TEB)

Program ini adalah usaha bersama di antara Kementerian Belia dan Sukan, Affin Bank Berhad dan CGC, bertujuan untuk menggalakkan belia di negara ini menceburi bidang perniagaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Memorandum persefahaman telah ditandatangani oleh tiga pihak pada 15hb Julai, 1997 di mana Kementerian Belia dan Sukan telah menyumbang sebanyak RM7,600,000 yang mana telah dimasukkan ke dalam Rizab Program Khas.

Program ini akan membolehkan belia-belia mendapatkan pinjaman kecil di antara RM5,000 ke RM50,000 dengan kadar faedah maksima sebanyak KAP + 2%. Walaubagaimanapun, kos kepada peminjam adalah 2% setahun sahaja. Perbezaan di antara kos yang dikenakan oleh bank dan kos kepada peminjam akan ditampung melalui subsidi dari kerajaan.

Hasil pelaburan baki tabung yang belum digunakan telah dipindahkan ke Rizab Program Khas dan akan digunakan untuk menyerap kerugian yang mungkin dialami oleh pinjaman yang diberikan di bawah skim ini (Nota 15).

19. Tabung Industri Kecil Dan Sederhana 2 (TIKS2)

Berkuatkuasa pada 3hb April, 2000, kerajaan telah memutuskan supaya Tabung Industri Kecil dan Sederhana yang dikendalikan oleh BNM ditamatkan oleh kerana peruntukan sejumlah RM1.85 juta telah digunakan sepenuhnya dalam masa 2 tahun sejak dari tarikh ianya diperkenalkan pada 2hb Januari, 1998.

Bagi memenuhi permintaan pinjaman dari industri kecil dan sederhana (IKS), kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan satu lagi tabung iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 (TIKS2) berjumlah RM200 juta di mana CGC telah dilantik untuk menguruskannya. Tambahan sebanyak RM200 juta lagi telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam tahun 2001. Pembayaran balik akan dibuat dalam masa 10 tahun dari tarikh pengeluaran atau apabila kesemua dana di bawah TIKS 2 telah dibayar sepenuhnya oleh institusi-institusi kewangan terlibat, yang mana terdahulu. Pinjaman ini dikenakan faedah pada kadar 0.75% setahun. Mulai dari 17hb Oktober 2002 BNM telah mengambil alih pentadbiran tabung TIKS 2 dan juga tabung TUB 2 dari CGC. Walaubagaimanapun, CGC masih terus menguruskan pinjaman yang telah diterima sebelum 17hb Oktober 2002.

Skim ini bertujuan untuk membantu IKS di dalam sektor yang terpilih iaitu sektor perkilangan dan perkhidmatan, menembusi pasaran eksport atau menyediakan jalinan kepada industri yang berorientasikan eksport dengan pembiayaan sehingga RM1 juta kepada setiap pelanggan untuk tujuan modal pusingan.

20. Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK)

	2005 RM	2004 RM
Setakat 1hb Januari	50,000,000	50,000,000
Bayaran diterima pada tahun ini	<u>29,000,000</u>	<u>-</u>
Setakat 31hb Disember	<u>79,000,000</u>	<u>50,000,000</u>

Pada 15hb Mei 2002, CGC telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan yang menyumbang sebanyak RM50 juta bagi Tabung yang dinamakan Skim Jaminan Usahawan Kecil (SJUK). Sumbangan ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun yang ke-6 dan dikenakan faedah pada kadar 3% setahun dari tarikh pengeluaran pada 14hb November 2002.

Dalam tahun ini, CGC telah membuat perjanjian dengan Kementerian Kewangan untuk sumbangan tambahan berjumlah RM29 juta. Dana ini perlu dibayar balik pada penghujung tahun ke-6 dan tidak dikenakan sebarang faedah.

Pada 30hb Ogos 2005, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk memansuhkan faedah 3% yang telah dikenakan ke atas sumbangan terdahulu berjumlah RM50 juta.

Dalam tahun ini, peruntukan di bawah SJUK (Bumi) adalah dicajkan ke atas Rizab Khas. Peruntukan dikenakan ke atas penyata pendapatan pada tahun lepas juga dicajkan semula ke Rizab Khas. Oleh itu, sejumlah RM3,784,353 telah dikreditkan ke penyata pendapatan dan didebitkan ke Rizab Khas.

Skim ini adalah untuk membantu peniaga-peniaga kecil mendapat pinjaman dari RM10,000 hingga RM50,000 bagi modal pusingan dan/atau pembelian harta.

21. Projek Usahawan Bumiputra Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER)

Skim PROSPER telah diperkenalkan pada tahun 2000 dalam usaha untuk menggalakan lebih banyak penglibatan usahawan bumiputra di dalam perniagaan peruncitan seluruh Malaysia. Di bawah skim ini, 4 pihak utama yang terlibat iaitu:-

- i. Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- ii. TPPT Sdn. Bhd.
- iii. Penglibatan Institusi Kewangan (Setakat ini hanya MBB sahaja yg terlibat)
- iv. CGC

Kemudahan-kemudahan skim PROSPER disediakan di bawah Skim Jaminan Anjal CGC dengan 100% jaminan.

Pada 3hb Mac, 2005, CGC telah menerima sejumlah RM30 juta sebagai geran daripada Kementerian Kewangan Malaysia. Dana ini akan digunakan untuk mengimbangi kemungkinan kerugian pinjaman di bawah skim ini.

Pada tahun ini, peruntukan di bawah skim PROSPER dicajkan kepada Rizab Program Khas dan peruntukan yg dicaj kepada penyata pendapatan juga telah dicajkan semula kepada Rizab Program Khas. Oleh itu, sejumlah RM11,477,318 telah dikreditkan pada penyata pendapatan dan didebitkan ke Rizab Program Khas.

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

22. Hasil Kendalian

	2005 RM	2004 RM
Yuran jaminan	73,407,767	65,742,879
Faedah - simpanan tetap	67,665,868	74,837,881
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	881,289	3,023,828
- Bon Cagamas	237,400	113,520
- Bon-bon lain	2,404,669	4,426,702
	<u>144,596,993</u>	<u>148,144,810</u>

23. Untung Kendalian Bagi Tahun

	2005 RM	2004 RM
Keuntungan ini diperolehi selepas ditolak/(tambah):		
Bayaran pengarah	595,631	489,686
Yuran pengarah-pengarah	68,882	69,760
Elaun mesyuarat pengarah-pengarah	51,000	20,500
Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,830,988	1,593,024
Cukai pintu dan taksiran	629,904	613,744
Susutnilai harta & peralatan (Nota 5)	6,035,712	6,091,196
Bayaran juruaudit	27,500	25,000
Peruntukan tuntutan	139,787,469	115,671,783
Pendapatan sewa	(617,619)	(535,253)
Rugi/(Untung) dari jualan bon	2,300,295	(9,261,198)
Keuntungan dari jualan harta & peralatan	<u>(2,098)</u>	<u>(58,407)</u>
Kebajikan pengarah-pengarah	<u>28,501</u>	<u>27,550</u>

24. Perbezaan Faedah Yang Diperolehi

	2005 RM	2004 RM
Faedah diterima - simpanan tetap	54,109,785	44,646,183
- sekuriti pelaburan	2,239,024	3,542,968
	<u>56,348,809</u>	<u>48,189,151</u>
Tolak: Faedah akan dibayar di atas wang kerajaan	12,875,000	14,491,438
	<u>43,473,809</u>	<u>33,697,713</u>

Nota Kepada Penyata Kewangan - 31hb Disember, 2005

25. Cukai

CGC telah diberikan pengecualian cukai pendapatan pada tahun 2002 bagi tempoh 10 tahun di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan, 1967.

26. Tanggungan Luarjangka

CGC mempunyai tanggungan luarjangka di atas jaminan terhadap kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan kepada peminjam-peminjam oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di bawah pelbagai skim.

	2005 RM	2004 RM
Jumlah kemudahan kredit yang telah dijamin oleh CGC di bawah Skim-skim Jaminan	<u>4,178,274,997</u>	<u>3,856,444,078</u>
Tanggungan luarjangka	3,711,494,960	3,346,901,304
Tolak: Jumlah yang dianggarkan lapuk dan ragu di mana peruntukan telah dibuat	<u>402,896,387</u>	<u>426,646,844</u>
Jumlah diperuntukan ke Rizab untuk memenuhi tuntutan di masa hadapan	<u>183,389,835</u>	<u>150,671,696</u>
	586,286,222	577,318,540
Tanggungan luarjangka bersih	<u>3,125,208,738</u>	<u>2,769,582,764</u>

27. Komitmen Modal

	2005 RM	2004 RM
Perbelanjaan modal yang tidak diperuntukan pada penyata kewangan:-		
Dibenarkan dan dimeterai	887,062	1,156,368
Dibenarkan tetapi tidak dimeterai	<u>6,236,020</u>	<u>2,306,400</u>
	<u>7,123,082</u>	<u>3,462,768</u>

28. Instrumen-Instrumen Kewangan

Jumlah yang dibawa dan anggaran nilai berpatutan bagi harta kewangan dan tanggungan kewangan pada tarikh kunci kira-kira adalah seperti berikut:-

	2005		2004	
	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM	Jumlah Dibawa RM	Nilai Berpatutan RM
<u>Harta Kewangan</u>				
Yuran akan diterima	11,588,053	11,588,053	26,039,077	26,039,077
Penghutang-penghutang lain	5,725,285	5,725,285	7,985,715	7,985,715
Pinjaman dan pendahuluan	326,389,104	326,389,104	590,499,320	590,499,320
Sekuriti pelaburan	119,749,252	119,749,252	157,985,078	157,985,078
Deposit, wang tunai dan baki dalam bank	4,094,597,556	4,094,597,556	3,793,096,358	3,793,096,358
<u>Tanggungan Kewangan</u>				
Tuntutan akan dibayar	63,143,566	63,143,566	74,291,915	74,291,915
Pemiutang-pemiutang lain	44,145,189	44,145,189	48,603,712	48,603,712
Dana Kerajaan	300,000,000	321,000,000	300,000,000	321,000,000
Pinjaman dari Bank Negara Malaysia	950,000,000	1,016,500,000	950,000,000	1,016,500,000
Tabung Pembiayaan Usahawan Kecil	50,000,000	53,500,000	50,000,000	53,500,000
Tabung Usahawan Kecil	490,000,000	524,300,000	490,000,000	524,300,000
Dana Denda	-	-	50,000,000	53,500,000
Skim Jaminan Usahawan Kecil	79,000,000	84,530,000	50,000,000	53,500,000

Kaedah dan anggaran yang digunakan bagi menganggar nilai berpatutan bagi setiap kelas harta kewangan dan tanggungan kewangan adalah seperti berikut:-

a. Sekuriti pelaburan

Anggaran bagi nilai berpatutan adalah berdasarkan harga pasaran pada akhir tahun.

b. Yuran dan penghutang-penghutang lain dan tuntutan dan pemiutang-pemiutang lain

Jumlah dibawa bagi penghutang-penghutang dan pemiutang-pemiutang adalah anggaran yang berpatutan bagi nilai yang sepatutnya kerana jangka matang yang pendek.

c. Deposit, wang tunai dan baki dalam bank

Jumlah dibawa bagi deposit, wang tunai dan baki dalam bank merupakan anggaran bagi nilai berpatutan kerana jangka matang yang pendek.

d. Pinjaman dan pendahuluan

Ini adalah pengeluaran bagi pinjaman dan pendahuluan di bawah tabung khas dan skim yang ditadbir oleh CGC. Nilai dibawa adalah merupakan anggaran bagi nilai berpatutan kerana nilai dibawa adalah bersamaan dengan nilai yang boleh dipungut di bawah skim-skim tersebut.

e. Dana kerajaan dan pinjaman dari Bank Negara Malaysia

Pinjaman dan dana ini diperuntukan kepada CGC pada kadar faedah yang rendah untuk membiayai skim-skim pinjaman dan mengukuhkan rizab bagi memenuhi tuntutan dan kerugian dari operasi. Nilai berpatutan merupakan anggaran yang dibuat jika pinjaman diperolehi mengikut nilai pasaran.

Penyata Lembaga Pengarah Dan Perakuan Berkanun - 31hb Disember, 2005

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Kami, **DATUK ZAMANI ABDUL GHANI** dan **MD. YUSOF HUSSIN**, dua orang daripada pengarah **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 75 ke 96 telah disediakan berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang benar dan munasabah mengenai kedudukan CGC pada 31hb Disember, 2005 serta keputusan dan aliran wang tunai CGC bagi tahun berakhir pada tarikh yang tersebut.

Ditandatangani mengikut resolusi Lembaga Pengarah,



DATUK ZAMANI ABDUL GHANI



MD. YUSOF HUSSIN

Kuala Lumpur,


Tarikh: **13hb April, 2006**

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD**, pegawai yang bertanggungjawab atas pengurusan kewangan **CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD**, dengan sesungguhnya dan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dari mukasurat 75 ke 96 adalah pada pendapat saya betul dan saya membuat pengakuan yang ikhlas ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar, dan menurut peruntukan-peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut
di atas **DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD**
di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan
pada **13hb April, 2006**

Di hadapan saya,



DATUK WAN AZHAR WAN AHMAD

SUITE 1813 18th FLOOR
PLAZA PERMATA (IGB PLAZA)
JALAN KAMPAR, 50400 KUALA LUMPUR.

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 75 hingga 96. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah.

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk membuat pendapat bebas kami ke atas penyata kewangan tersebut berasaskan audit kami dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai satu badan, menurut Seksyen 174, Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan-tujuan lain. Kami tidak menerima tanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain tentang kandungan laporan ini.

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapatkan keyakinan yang munasabah tentang samada penyata kewangan tersebut bebas dari salah nyata yang ketara. Sesebuah audit meliputi pemeriksaan, berasaskan kepada ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pernyataan di dalam penyata kewangan berkenaan. Sesebuah audit juga meliputi penaksiran prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, serta penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya. Kami percaya bahawa audit kami menyediakan suatu asas munasabah bagi pendapat kami.

Pada pendapat kami :-

- a. penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajarnya menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi gambaran yang sebenar dan saksama mengenai:-
 - i. perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 untuk diuruskan dalam penyata kewangan Syarikat; dan
 - ii. kedudukan urusan Syarikat pada 31hb Disember, 2005 dan keputusan serta aliran tunai Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;dan
- b. rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan wajar dan sempurna, sesuai dengan kehendak-kehendak Akta tersebut.



SALLEH, LEONG, AZLAN & CO.

AF: 0010

Akauntan Bertauliah



SIVADASAN A/L NARAYANAN NAIR

1420/12/07(J)

Rakan Firma

Kuala Lumpur,

Tarikh: 13hb April, 2006



CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA (12441-M)
F O R M O F P R O X Y

I/We.....
of
being a member of the abovenamed Company, hereby appoint
.....
of.....or
failing him.....as my proxy/our proxy
to vote for me/us on my/our behalf at the Thirty Third Annual General Meeting of the Company to be held on Friday, May 26, 2006 at 3.30 p.m. and at any adjournment thereof in the manner indicated below.

	For	Against
Resolution 1		
Resolution 2		
Resolution 3		
Resolution 4		
Resolution 5		

(Please indicate with a cross (x) in the spaces provided whether you wish your votes to be cast for or against the Resolutions. In the absence of specific directions, your proxy will vote or abstain as he thinks fit).

Signed thisday of 2006.


.....
Signature

Note:-

1. A member entitled to attend and vote is entitled to appoint a proxy to attend and vote for him; a proxy or an attorney need not be a member of the Company.
2. The instrument appointing a proxy shall be in writing under the hand of the appointer or of his attorney duly authorised in writing or if the appointer is a Corporation under the hand of an officer of the Corporation.
3. The instrument appointing a proxy and the power of the attorney or other authority, if any, under which it is signed, or a notarially certified copy of that power of authority shall be deposited at the Registered Office of the Company - Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre, 97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, not less than 48 hours before the time for holding the meeting or any adjournment thereof.



Fold Here



COMPANY SECRETARY,

CREDIT GUARANTEE CORPORATION MALAYSIA BERHAD

Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

Fold Here



Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)
Level 13-16, Bangunan CGC, Kelana Business Centre,
No. 97, Jalan SS 7/2, 47301 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +603 7806 2300 Fax: +603 7806 3308